



KEMENTERIAN KEWANGAN

# PIAWAIAN PELABURAN MAMPAN



## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>Kata Pengantar</b>	2
<b>Istilah, Takrif, Akronim dan Singkatan</b>	4
<b>Prinsip Panduan Piawaian Pelaburan Mampan</b>	7
<b>Prinsip Piawaian</b>	
<b>1. Tadbir Urus dan Struktur</b>	8
<b>2. Penjajaran Strategi</b>	17
<b>3. Proses dan Metodologi Pelaburan</b>	26
<b>4. Hak dan Tanggungjawab Pelabur</b>	44
<b>5. Penzahiran dan Ketelusan</b>	57
<b>Penghargaan</b>	75
<b>Lampiran</b>	76
Lampiran 1 – Pemetaan SIS dengan piawaian atau rangka kerja lain Lampiran 2 – Jangkaan khusus-isu Lampiran 3 – Jangkaan khusus-sektor	
<b>Rujukan</b>	84

## KATA PENGANTAR

### Latar Belakang

Sejajar dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, tema “Melonjakkan Kemampanan” telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk memangkin pertumbuhan dan mengembalikan semula Malaysia dalam ekonomi global. Pelan ini membawa Malaysia selangkah ke hadapan ke arah menjayakan hasrat untuk menjadi sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan.

Dalam mendukung agenda kemampanan<sup>1</sup>, kemajuan yang stabil dapat dilihat dalam kalangan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan institusi kewangan di Malaysia. Misalnya, GLIC telah mengambil langkah mereka sendiri dengan menunjukkan komitmen terhadap agenda kemampanan melalui penandatanganan rangka kerja dan garis panduan global seperti *Principles of Responsible Investment* (PRI). Bagi membantu organisasi mencapai kemampanan, beberapa garis panduan di peringkat kebangsaan telah dirangka untuk menangani pelbagai isu berkaitan kewangan dan pelaburan mampan. Tambahan lagi ketika Malaysia menetapkan sasaran iklim utama dengan berikrar untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau (GHG) sifar bersih (*net-zero GHG emission*) seawal-awalnya pada tahun 2050, langkah-langkah susulan yang kukuh diperlukan untuk menganjak ekonomi ke arah mencapai sasaran ini.

Berlatarbelakangkan senario itu, Kementerian Kewangan (MOF), di bawah Program Memperkuhkan Syarikat Pelaburan Kerajaan, memulakan usaha yang diselaraskan di seluruh GLIC untuk menyepadukan elemen kemampanan ke dalam proses pelaburan. Mengiktiraf sumbangan GLIC dan peranan pentingnya dalam pasaran kewangan, hasil daripada pelaksanaan ini seterusnya dijangka dapat meletakkan GLIC pada kedudukan yang memiliki kelebihan dan daya tahan yang dipertingkatkan terhadap trend mega kemampanan.

Ke arah matlamat tersebut, pelaburan yang bertanggungjawab dan peralihan yang adil diakui sama pentingnya. Sebagai fidusiari, amat penting bagi GLIC untuk menggiatkan semula tugas mereka dengan memanfaatkan pemacu alam sekitar dan sosial yang saling berkaitan, dengan mengambil kira kepentingan dalam sektor dan bidang berbeza yang terlibat. Melangkah ke hadapan, melabur dengan pola fikir peralihan yang adil akan menjadi cara terbaik dalam mengurus risiko dan peluang strategik yang mengalir daripada peralihan ini kepada ekonomi yang makmur, rendah karbon dan inklusif yang Malaysia ingin capai.

Oleh itu, kejayaan Piawaian Pelaburan Mampan (SIS) adalah hasil daripada perundingan dan kerjasama yang produktif antara MOF dan GLIC dalam merealisasikan aspirasi di atas. Sebagai instrumen dasar yang penting dalam pembinaan negara, GLIC dijangka meningkatkan garis dasar amalan kemampanan mereka dan memacu perubahan yang diperlukan, berdasarkan panduan yang digariskan dalam SIS.

---

<sup>1</sup> Istilah “kemampanan” dianggap setara dengan makna istilah “ESG”

## **Piawaian Pelaburan Mampan (SIS)**

Piawaian Pelaburan Mampan (SIS) bertujuan meningkatkan peranan GLIC dalam pelaburan mampan dengan menyediakan panduan untuk memasukkan pertimbangan kemampanan ke dalam proses pelaburan. Piawaian ini sejajar dengan peranan GLIC ke arah mewujudkan nilai dan impak jangka panjang ke atas ekonomi, serta peranannya dalam menyokong komitmen Malaysia untuk memenuhi cita-cita iklim dan agenda kemampanan global. SIS mengandungi keperluan mengenai penyepaduan pertimbangan kemampanan dalam proses pelaburan, serta penzahiran yang relevan untuk meningkatkan ketelusan dalam amalan pelaburan mampan GLIC. Dalam pada SIS menyediakan keperluan dan panduan praktikal yang luas sebagai piawaian umum bagi GLIC, setiap GLIC hendaklah memastikan pelaksanaan SIS disejajarkan dengan mandat dan objektif masing-masing<sup>2</sup>.

Pembentukan SIS dilakukan dengan mengambil kira dokumen rujukan berkaitan dan sedia ada yang boleh digunakan oleh GLIC, amalan industri serta piawaian tanda aras yang berkaitan dari bidang kuasa lain (rujuk **Lampiran 1** untuk pemetaan SIS dengan piawaian atau rangka kerja lain). Pertimbangan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada kod tadbir urus, kod pengawasan, prinsip pelaburan bertanggungjawab, piawaian pelaburan ESG, dll. Walaupun SIS memfokuskan kepada pelaburan mampan, piawaian ini hendaklah dibaca bersama dengan Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG) dan Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII) yang menyediakan keperluan-keperluan berkaitan dan amalan terbaik tadbir urus dan pengawasan bagi GLIC.

SIS disasarkan untuk diguna pakai oleh GLIC. Namun demikian, piawaian ini boleh juga digunakan sebagai panduan untuk komuniti pelaburan institusi yang lebih luas atau pengurus aset dan pemilik aset yang lain, termasuk dana pencen dan syarikat insurans.

## **Pelaksanaan, Pemantauan dan Laporan Kemajuan**

Struktur dan mekanisme yang diperlukan hendaklah disediakan untuk mengawasi penggunaan dan pelaksanaan SIS oleh GLIC dan memudahkan penambahbaikan secara berkala pada dokumen bagi memastikan dokumen ini kekal relevan dengan tujuannya. Kemajuan penggunaan SIS oleh GLIC akan dipantau dengan teliti untuk memastikan SIS dilaksanakan secara substantif, bukannya sekadar luarannya, serta tergambar secara positif dalam tadbir urus kemampanan dan prestasi keseluruhan GLIC. Maklumat penting juga hendaklah disediakan secara terbuka untuk meningkatkan akauntabiliti dan kepercayaan serta keyakinan pihak berkepentingan terhadap entiti ini.

SIS diharapkan menjadi dokumen dinamik dan akan tertakluk kepada semakan apabila perlu. GLIC dijangka mengguna pakai piawaian dan melaksanakan cadangan serta maju ke arah penggunaan SIS sepenuhnya menjelang 2025.

---

<sup>2</sup> Perkataan “hendaklah” ditafsirkan sebagai komitmen GLIC untuk menerima guna dan melaksanakannya, manakala perkataan “boleh” menunjukkan amalan terbaik dan panduan yang disasarkan oleh GLIC untuk dicapai dalam tempoh jangka panjang.

## ISTILAH, TAKRIF, AKRONIM DAN SINGKATAN

### Istilah dan Takrif

Melainkan ditakrifkan selainnya, untuk tujuan Piawaian Pelaburan Mampan (SIS), istilah yang ditakrifkan dalam Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII) dan Prinsip Tadbir Urus Baik untuk Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG) bersama-sama dengan takrif berikut adalah terpakai.

Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC)	merujuk kepada takrifan yang diberikan kepadanya dalam PGG, yang menyatakan bahawa GLIC bermaksud syarikat berkaitan pelaburan kerajaan persekutuan yang memperuntukkan sebahagian atau semua dananya kepada pelaburan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Pelantikan dan kelulusan ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanannya dilantik oleh kerajaan persekutuan, iaitu individu ini melaporkan terus kepada kerajaan persekutuan. Pembiayaan untuk operasi dan/atau modal (dan beberapa pendapatan) entiti yang diletakkan oleh pemegang unit/penyumbang boleh dijamin oleh kerajaan persekutuan.  Bagi tujuan SIS, GLIC bermaksud Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Amanah Negara, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji dan Permodalan Nasional Berhad.
Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII)	menetapkan prinsip pengawasan yang berkesan oleh pelabur institusi.
Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG)	ialah rujukan tunggal mengenai amalan tadbir urus dan kemampanan asas yang hendaklah diterima pakai oleh GLIC.
Program Memperkukuh Institusi Pelaburan Milik Kerajaan (PERKUKUH)	ialah program transformasi strategik jangka sederhana untuk meningkatkan kedudukan GLIC dan mengoptimumkan peranan kerajaan dalam perniagaan.
pelaburan mampan	ialah pendekatan pelaburan yang mempertimbangkan faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam pemilihan dan pengurusan portfolio.

*Sumber: Global Sustainable Investment Review 2020, MCII, Buku Kecil PERKUKUH, PGG*

## Akronim dan Singkatan

SIS menggunakan akronim dan singkatan berikut:

ADIA	Abu Dhabi Investment Authority, Emiriyah Abu Dhabi
APG	Algemene Pensioen Groep, Belanda
AUEP	Program Asian Utilities Engagement
AUM	aset bawah pengurusan
CalPERS	California Public Employees' Retirement System, Amerika Syarikat
CMM	Pasaran Modal Malaysia
CPP Investments	Canada Pension Plan Investments Board
EAPF	Environment Agency Pension Fund, United Kingdom
EFM	pengurus dana luaran
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Malaysia
FF	Future Fund, Australia
GIC	Government of Singapore Investment Corporation
GHG	gas rumah hijau
GPIF	Government Pension Investment Fund, Jepun
GSF	Government Superannuation Fund, New Zealand
HESTA	Health Employees Superannuation Trust Australia
IIC	Majlis Pelabur Institusi Malaysia
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
ISIF	Ireland Strategic Investment Fund, Republik Ireland
Khazanah	Khazanah Nasional Berhad, Malaysia
KIA	Kuwait Investment Authority
KIC	Korea Investment Corporation, Republik Korea
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Malaysia

NBIM	Norges Bank Investment Management, Norway
NGO	organisasi bukan kerajaan
NIIF	National Investment and Infrastructure Fund, India
NPS	National Pension Service, Republik Korea
NZSF	New Zealand Superannuation Fund
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OPSWF	Pakatan One Planet Sovereign Wealth Funds
OTPP	Ontario Teachers' Pension Plan, Kanada
PGB	Pensioenfonds PGB, Belanda
PIF	Public Investment Fund, Arab Saudi
PMT	Pensioenfonds Metaal en Techniek, Belanda
PNB	Permodalan Nasional Berhad, Malaysia
PPF	Pension Protection Fund, United Kingdom
PRI	Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab
PSP Investments	Public Sector Pension Investment Board, Kanada
RFP	Permintaan untuk cadangan
SASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Kemampanan
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SIP	Platform Pelaburan Mampan
SIS	Piawaian Pelaburan Mampan
SSF	Swiss Sustainable Finance, Switzerland
TCFD	Pasukan Petugas mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim
Temasek	Temasek Holdings Limited, Singapura
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu



## **PRINSIP PELABURAN MAMPAN**

Dalam membangunkan rangka kerja pelaburan mampan, GLIC hendaklah mengambil kira dan memasukkan prinsip pelaburan mampan, seperti yang ditetapkan di bawah:

### **1. Tadbir Urus dan Struktur**

GLIC akan mewujudkan sebuah rangka kerja tadbir urus pelaburan mampan yang bersesuaian, yang merangkumi prinsip, garis panduan dan amalan yang membimbing dan menyokong pengurusan dalam mendapatkan pulangan mampan jangka panjang.

### **2. Penjajaran Strategi**

GLIC akan membangunkan dasar mengenai cara untuk memasukkan pertimbangan kemampuan termasuk pemahaman material ke dalam objektif dan proses pelaburannya dan apabila menunaikan tanggungjawab fidusiarinya.

### **3. Proses dan Metodologi Pelaburan**

GLIC akan mengguna pakai dan menggerakkan metodologi pelaburan mampan dan keputusan pelaburan menurut kesesuaiannya.

### **4. Hak dan Tanggungjawab Pelabur**

GLIC akan mengawasi dengan aktif dan memasukkan pertimbangan kemampuan ke dalam dasar dan amalan pemilikan.

### **5. Penzahiran dan Ketelusan**

GLIC akan menzahirkan dasar, garis panduan dan aktiviti pelaburan mampan yang berkaitan dengan SIS.



## **1.0 Tadbir Urus dan Struktur**

**GLIC akan menubuhkan rangka kerja tadbir urus pelaburan mampan yang sesuai, yang merangkumi prinsip, garis panduan dan amalan yang memberi panduan dan menyokong pengurusan dalam mendapatkan pulangan mampan jangka masa panjang.**

Prinsip ini bertujuan untuk membangunkan struktur tadbir urus yang teguh yang memasukkan pertimbangan kemampanan dalam kalangan GLIC, berkenaan dengan pendekatan pengurusan pelaburan mereka.

Rangka kerja tadbir urus yang berkesan adalah penting kerana ia menyediakan pengawasan dan struktur yang diperlukan untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi. Menerapkan pertimbangan kemampanan dalam rangka kerja tadbir urus akan meningkatkan peranan lembaga pengarah dan pengurusan dalam menentukan pendekatan ke arah kemampanan dalam sesebuah organisasi, serta dalam menetapkan hala tuju inisiatif berkaitan kemampanan dan pendekatan pelaburan mampan GLIC. Selanjutnya, rangka kerja tadbir urus pelaburan mampan yang sesuai juga akan menggalakkan kesedaran pelaburan mampan dalam kalangan warga kerja dan syarikat penerima pelaburan, serta pengurus dana luaran (EFM) dan penyedia perkhidmatan lain di sepanjang rangkaian nilai pelaburan.

PGG membentuk asas atau garis dasar yang kukuh bagi amalan tadbir urus yang harus diterima pakai oleh GLIC. Bagi memastikan GLIC dapat melaksanakan tugas fidusiari mereka dengan berkesan, mereka hendaklah komited dalam mengamalkan tadbir urus yang baik.

## Tadbir urus pelaburan mampan

1.1 GLIC hendaklah membangunkan rangka kerja tadbir urus mereka berkenaan dengan pelaburan mampan merangkumi perkara yang berikut:

- a) Peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah, jawatankuasa lembaga pengarah dan pengurusan berkenaan dengan pengurusan pelaburan mampan untuk meningkatkan kebertanggungjawaban dan memudah cara perkembangan keseluruhan pendekatan pelaburan mampan GLIC;
- b) Garis pelaporan yang jelas untuk pengurusan pelaburan mampan dalam organisasi; dan

Keperluan-keperluan ini adalah selaras dengan panduan yang dinyatakan dalam PGG di bawah perenggan 1.20, yang menyatakan bahawa "lembaga pengarah mewujudkan struktur tadbir urus untuk pemantauan kemampanan, yang merangkumi perkara penting kebertanggungjawaban dan garis pelaporan yang jelas untuk memastikan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) diuruskan dengan berkesan oleh pihak pengurusan".

1.2 GLIC hendaklah menyasarkan usaha untuk membangunkan dan memasukkan sasaran pelaburan mampan sebagai sebahagian daripada matlamat dan aspirasi organisasi mereka.

1.3 Sebagai tambahan kepada SIS, GLIC hendaklah mempertimbangkan merit dan kebolegunaan pengamalan inisiatif pelaburan mampan yang diterima secara meluas di samping demonstrasi awam dan isyarat komitmen terhadap pelaburan mampan.

### **Panduan:**

Antara inisiatif pelaburan mampan yang diterima secara meluas yang boleh dipertimbangkan oleh GLIC termasuk (mengikut susunan abjad):

- Asia Investor Group on Climate Change (AIGCC)
- Global Impact Investing Network (GIIN)
- One Planet Sovereign Wealth Funds Coalition (OPSWF)
- United Nations (UN)-backed Principles for Responsible Investment (PRI)
- UN-convened Net-Zero Asset Owner Alliance (NZAOA)

### **Contoh 1: *Government Pension Investment Fund (GPIF), Jepun***

GPIF ialah dana pencen terbesar di dunia dan juga dana awam terbesar di Jepun.

Antara inisiatif yang menerima komitmen GPIF termasuk:

- Menandatangani PRI pada 2015
- Menyertai Thirty Percent Coalition (AS) dan 30% Club (UK) pada 2016
- Mengumumkan bantuan kepada TCFD pada 2018
- Menyertai Climate Action 100+ pada 2018
- Menyertai International Corporate Governance Network (ICGN) pada 2019
- Menyertai Council of Institutional Investors (CII) pada 2019

Baca lebih lanjut mengenai kerjasama dan perkongsian GPIF [di sini](#).

#### **Contoh 2: *Kuwait Investment Authority (KIA)***

KIA ialah dana kekayaan negara terbesar Kuwait. Ditubuhkan pada 1953, KIA juga merupakan dana kekayaan negara yang tertua di dunia.

KIA adalah antara enam pengasas dana kekayaan negara Kumpulan Kerja OPSWF, yang ditubuhkan di Sidang Kemuncak One Planet yang julung kali diadakan di Paris pada 12 Disember 2017. Misi inisiatif tersebut adalah untuk menyepadukan risiko perubahan iklim dan melabur dalam usaha peralihan lancar kepada ekonomi pelepasan rendah.

Pada Julai 2018, Rangka Kerja OPSWF telah diterbitkan, yang terdiri daripada satu set prinsip untuk membimbing usaha untuk menyepadukan lagi analisis perubahan iklim ke dalam himpunan aset yang besar, berjangka masa panjang dan terpelbagai.

Baca lebih lanjut mengenai pelibatan KIA dan pematuhannya terhadap OPSWF [di sini](#).

### **Peranan lembaga pengarah atau jawatankuasa yang setara dengan lembaga pengarah dalam pengawasan pelaburan mampan**

- 1.4 GLIC, melalui lembaga pengarah atau jawatankuasa yang setara dengan lembaga pengarah, hendaklah menjadikan penjajaran portfolio dengan pelaburan mampan sebagai keutamaan dalam menetapkan matlamat dan sasaran pelaburan mampan dalaman.
- 1.5 GLIC, melalui lembaga pengarah atau jawatankuasa yang setara dengan lembaga pengarah, hendaklah memastikan bahawa pengurusan mempertimbangkan dan memasukkan pertimbangan keselamatan secara aktif ke dalam proses membuat keputusan pelaburan.
- 1.6 GLIC, melalui lembaga pengarah atau jawatankuasa yang setara dengan lembaga pengarah, hendaklah mengenal pasti dan menentukan tempat tanggungjawab atau akauntabiliti pengawasan ke atas pengurusan pelaburan mampan harus diletakkan dalam organisasi.

**Panduan:**

- a) GLIC digalakkan untuk menambah tanggungjawab berkaitan pelaburan mampan kepada jawatankuasa lembaga pengarah sedia ada, seperti Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Pelaburan/Panel Pelaburan; atau
- b) Sebagai alternatif, GLIC boleh mempertimbangkan untuk menubuhkan jawatankuasa berasingan dalam lembaga pengarah, seperti Jawatankuasa Kemampanan Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Pelaburan Mampan.
- c) Antara faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menangani kebertanggungjawaban pelaburan mampan termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - kedalaman skop isu pelaburan mampan yang sedang dipertimbangkan; dan
  - skop jawatankuasa lembaga pengarah sedia ada.

1.7 GLIC, melalui pengawasan yang dijalankan oleh lembaga pengarah atau jawatankuasa yang setara dengan lembaga pengarah terhadap risiko dan peluang kemampanan berkaitan dengan pengurusan pelaburan, hendaklah:

- a) Menentukan proses dan kekerapan lembaga pengarah dan/atau jawatankuasa lembaga pengarah dikemas kini mengenai isu kemampanan sama ada melalui perbincangan peringkat lembaga pengarah atau kemas kini oleh pengurusan;
- b) Mengenal pasti dan menyatakan objektif GLIC berkenaan dengan kemampanan, termasuk pendekatan yang diambil dalam mempertimbangkan risiko dan peluang kemampanan dalam proses pelaburan;
- c) Menentukan cara lembaga pengarah atau jawatankuasa setara dengan lembaga pengarah mengawasi dan memantau kemajuan terhadap sasaran kemampanan dalaman serta isu kemampanan lain yang mungkin GLIC terdedah kepadanya, dalam rangkaian nilai pelaburan;
- d) Memantau dan menyemak toleransi risiko dan sistem kawalan dalaman, termasuk kawalan yang berkaitan untuk mengawasi risiko kemampanan berhubung dengan pelaksanaan keputusan pelaburan; dan
- e) Mengikuti perkembangan berkaitan dalam pelaburan mampan.

Berhubung dengan tanggungjawab pengawasan lembaga pengarah atau jawatankuasa yang setara dengan lembaga pengarah ke atas risiko dan peluang kemampanan, keperluan-keperluan ini selaras dengan panduan yang dinyatakan dalam perenggan 1.20 hingga 1.24 PGG, yang menyatakan bahawa "lembaga pengarah hendaklah

mempertimbangkan isu kemampanan secara proaktif semasa ia mengawasi perancangan, prestasi dan strategi jangka masa panjang entiti tersebut.”

- 1.8 Dalam mengekalkan kebebasannya, GLIC hendaklah merujuk kepada keperluan dan panduan dan memastikannya selari seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1.28 dan 1.29 PGG.

### **Peranan pasukan pengurusan dalam menguruskan pelaburan mampan**

- 1.9 GLIC, melalui pasukan pengurusan mereka, hendaklah memastikan bahawa pertimbangan kemampanan disepadukan secara berkesan ke dalam proses, keputusan, budaya dan nilai pelaburan.

**Contoh: *California Public Employees' Retirement System (CalPERS), Amerika Syarikat***

CalPERS mentadbir manfaat persaraan untuk negeri, sekolah dan ahli agensi awam California. Menyedari bahawa isu kemampanan boleh memberi kesan kepada semua bidang portfolio, CalPERS membangunkan, menggunakan dan sentiasa meningkatkan peralatan dan amalan untuk membantu pengurus dalaman dan luarannya menggunakan pertimbangan pelaburan mampan di sepanjang kitaran hayat pelaburan. Ini merangkumi pemilihan pelaburan, dan proses kontrak dan pemantauan, yang tertakluk kepada prinsip fidusiari.

#### **Ekstrak daripada laman web CalPERS**

Program Pelaburan Mampan (PM) membantu Pejabat Pelaburan menyampaikan pulangan melalui pengenalpastian, analisis dan pengurusan risiko dan peluang pelaburan mampan bernilai tinggi yang mungkin menjejaskan pulangan pelaburan kami.

Pasukan PM melaksanakannya melalui empat cara:

- Penyelidikan untuk memahami cara sesuatu topik boleh mempengaruhi pelaburan kami
- Penyepaduan pertimbangan risiko dan peluang ESG ke dalam proses membuat keputusan pelaburan
- Libat urus bersama dengan syarikat dan pengurus untuk memahami, mengurangkan dan/atau mengurus risiko dan peluang ESG
- Mendapatkan sokongan badan kerajaan dan pihak penentu standard tentang topik yang boleh menjejaskan pulangan kami

Memandangkan kami telah menggunakan sumber dana yang besar untuk memenuhi pelbagai keperluan bernilai tinggi Pejabat Pelaburan, pasukan PM telah memanfaatkan kepakaran kami dalam pelbagai topik pelaburan mampan, termasuk

modal insan, risiko perubahan iklim, pelaporan bersepadu dan struktur pasaran kewangan.

Baca lebih lanjut mengenai Program Pelaburan Mampan CalPERS [di sini](#).

1.10 GLIC, melalui pasukan pengurusan mereka, hendaklah menilai dan mengurus risiko dan peluang kemampanan berhubung dengan proses pengurusan pelaburan merangkumi perkara yang berikut:

- a) Membangunkan strategi dan pendekatan pelaburan mampan organisasi;
- b) Mengurus dan melaksanakan inisiatif pelaburan mampan dalam organisasi;
- c) Memastikan lembaga pengarah dan pihak berkepentingan yang berkaitan disediakan maklumat terkini tentang risiko dan peluang kemampanan organisasi, berhubung dengan pelaburan mampan; dan
- d) Mengikuti perkembangan dalam pelaburan mampan dan sejajar dengan mandat pelaburan dan operasi GLIC, dan menyesuaikan diri dengan perkembangan tersebut apabila perlu.

**Panduan:**

Antara risiko dan peluang berhubung dengan pelaburan mampan yang harus dimaklumkan kepada lembaga pengarah dan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti yang ditentukan oleh GLIC masing-masing termasuk, tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- Pendedahan kepada potensi risiko aset terkandas akibat kesan perubahan iklim;
- Layanan adil terhadap buruh asing di syarikat penerima pelaburan; dan
- Amalan tadbir urus yang lemah di syarikat penerima pelaburan.

Peluang pelaburan mampan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Tenaga boleh diperbaharu;
- Rantaian bekalan mampan; dan
- Kewangan karbon.

1.11 GLIC hendaklah mengambil bahagian dalam libat urus iaitu untuk membincangkan antara lain, perkara yang berkaitan dengan kemampanan, dengan syarikat penerima pelaburan.

Keperluan-keperluan ini selaras dengan panduan yang dinyatakan dalam PGG di bawah perenggan 1.20, yang menyatakan bahawa “tugas pengurusan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembangunan dan pelaksanaan strategi ESG yang teguh dan berkaitan, pengurusan risiko dan peluang ESG material yang berkesan dan mengambil langkah yang perlu untuk memenuhi komitmen dan sasaran”.

1.12 GLIC hendaklah mengenal pasti dan menentukan tempat tanggungjawab atau kebertanggungjawaban terhadap pelaksanaan pelaburan mampan perlu diletakkan dalam organisasi.


**Panduan:**

GLIC digalakkan untuk mengenal pasti siapa daripada kalangan eksekutif kanan mereka yang perlu memikul tanggungjawab muktamad ke atas pelaksanaan dan penyepaduan pelaburan mampan dalam organisasi dan portfolio pelaburan.

**Contoh 1: *Canada Pension Plan Investments (CPP Investments)***

CPP Investments ialah sebuah organisasi pengurusan pelaburan global yang melaburkan aset Canada Pension Plan. CPP Investments telah menerima pakai rangka kerja pelaburan mampan bersepadu yang menggambarkan dengan jelas peranan jawatankuasa dan jabatan yang berbeza dalam organisasi.

**Ekstrak daripada *CPP Investments’ 2021 Report on Sustainable Investing***



Lembaga Pengarah CPP Investments bertanggungjawab menyokong pengurusan dalam membangunkan hala tuju strategik organisasi termasuk dasar pengurusan risiko dan kawalan, serta mekanisme pemantauan dan pelaporan. Lembaga Pengarah meluluskan Prinsip dan Garis Panduan Pengundian Proksi, Dasar Pelaburan Mampan dan Rangka Kerja Risiko Bersepadu CPP Investments, yang merangkumi faktor ESG.



Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif CPP Investments mengawasi pelaksanaan strategi pelaburan mampan kami. Jawatankuasa Strategi dan Risiko Pelaburan (ISRC) CPP Investments bertanggungjawab untuk mengawasi reka bentuk portfolio dan semua risiko utama di bawah Rangka Kerja Risiko Pelaburan organisasi. ISRC juga menyelia Jawatankuasa Keputusan Pelaburan (IDC) yang menyemak urus niaga utama yang disyorkan oleh jabatan pelaburan dan menilai pertimbangan penaja jaminan dan risiko/pulangan khusus transaksi terhadap perkara dan risiko perusahaan strategik, seperti risiko ESG yang ketara. Jawatankuasa Pelaburan Mampan (SIC) CPP Investments bertanggungjawab ke atas pemantauan, dan memberi bimbingan dalam isu berkaitan ESG, termasuk perubahan iklim.

Baca lebih lanjut mengenai amalan pelaburan mampan *CPP Investments (2021 Report on Sustainable Investing)* [di sini](#).

#### **Contoh 2: *National Pension Service (NPS)*, Republik Korea**

NPS ialah dana pencen awam terbesar di Korea Selatan. NPS menjalankan aktiviti pelaburan dan pengawasan bertanggungjawab selaras dengan dasar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dana (FMC). Jawatankuasa Khas Pelaburan & Tadbir Urus Bertanggungjawab, di bawah FMC, membuat keputusan mengenai pelaburan bertanggungjawab, serta menyemak dan meluluskan hal-hal penting yang berkaitan dengan pelaburan ESG dan pelaksanaan hak pemegang saham.

Pelaburan bertanggungjawab dikendalikan oleh Bahagian Pelaburan & Tadbir Urus Bertanggungjawab Global di bawah Pengarah Urusan Strategi Pelaburan dan Pelaburan & Tadbir Urus Bertanggungjawab, yang terdiri daripada Pasukan Pelaburan Bertanggungjawab dan Pasukan Tadbir Urus Korporat. Pasukan Pelaburan Bertanggungjawab menyokong pembangunan dasar dan garis panduan yang berkaitan dengan pelaburan bertanggungjawab dan mewujudkan strategi pelaburan dan plan tindakan yang bertanggungjawab untuk menyokong pengurus portfolio dalam syarikat memasukkan faktor ESG ke dalam keputusan pelaburan. Penilaian ESG dijalankan secara dalaman: menjalankan penyelidikan ESG, memantau isu kontroversi berkaitan ESG, dan menjalankan aktiviti pemilikan aktif berkaitan ESG.

**Ekstrak daripada *Laporan Tahunan 2020 NPS***



## **2.0 Penjajaran Strategi**

**GLIC akan menggubal dasar mengenai cara untuk memasukkan pertimbangan kemampanan termasuk pemahaman material ke dalam proses pelaburan mereka dan ketika melaksanakan tanggungjawab fidusiari mereka.**

Prinsip ini bertujuan untuk menyelaraskan strategi organisasi GLIC dengan pendekatan pelaburan mampan yang diperoleh daripada mandat, dasar, strategi atau pegangan organisasi.

Memasukkan pertimbangan kemampanan dalam strategi pelaburan sangatlah penting dalam memenuhi matlamat dan sasaran pelaburan mampan GLIC.

GLIC hendaklah memasukkan pertimbangan kemampanan sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan mereka secara aktif untuk memastikan prinsip kemampanan organisasi diterapkan secara berkesan sepanjang proses pelaburan. Pelaksanaan strategi pelaburan mampan organisasi yang berjaya perlu melibatkan penjajaran pemahaman pihak berkepentingan dalaman dan luaran, ketelusan dan akauntabiliti.

Dalam usaha melibatkan EFM dan penyedia perkhidmatan pelaburan untuk melaksanakan strategi pelaburannya, GLIC hendaklah mengambil kira piawaian dan keperluan pelaburan mampan negara, serantau dan antarabangsa semasa di tempat EFM atau penyedia perkhidmatan yang terlibat beroperasi. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada keterlibatan, GLIC hendaklah menggalakkan EFM dan penyedia perkhidmatan untuk meningkatkan keupayaan pelaburan mampan mereka secara berterusan.

### **Strategi dalaman syarikat**

- 2.1 GLIC hendaklah memasukkan pertimbangan kemampanan sewaktu membangunkan strategi pelaburan mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pegangan, falsafah atau pernyataan, garis panduan pelaburan, pendekatan pelaksanaan dan kesanggupan menghadapi risiko.
- 2.2 GLIC hendaklah mewujudkan prinsip atau garis panduan yang jelas untuk menggariskan pendekatan pelaburan mampan keseluruhan dan untuk membimbing penggabungan pertimbangan kemampanan ke dalam proses pelaburan, yang mungkin termasuk garis panduan tadbir urus korporat atau dasar pelaburan.
- 2.3 GLIC hendaklah mentakrifkan dan memformalkan komitmen mereka terhadap pelaburan mampan dalam bentuk dasar, rangka kerja atau pelan tindakan, yang disesuaikan dengan organisasi masing-masing, bagi menyokong strategi pelaburan yang teguh.

#### **Panduan:**

- a) Antara lain, GLIC hendaklah menjelaskan perkara yang berikut:
  - i) Prinsip panduan keseluruhan, kedudukan dan pendekatan organisasi berkenaan dengan pelaburan mampan;
  - ii) Faktor dan isu kemampanan material;
  - iii) Penggunaan pendekatan pelaburan mampan terhadap kelas aset yang berbeza seperti ekuiti, pendapatan tetap, ekuiti swasta dll;
  - iv) Penetapan rangka tanggungjawab kakitangan dalam menguruskan hal-hal kemampanan berhubung dengan pengurusan pelaburan;
  - v) Proses yang dilaksanakan dalam menguruskan pelaburan mampan;
  - vi) Pemantauan dan pelaporan portfolio pelaburan berhubung dengan pematuhan dasar pelaburan mampan; dan
  - vii) Pendekatan terhadap pengawasan dan pemilikan aktif untuk penambahbaikan berterusan dan pematuhan dasar pelaburan mampan.
- b) Komitmen terhadap pelaburan mampan boleh ditunjukkan melalui:
  - i) GLIC membangunkan dan/atau menyemak dasar pelaburan teras mereka untuk memasukkan pertimbangan pelaburan mampan, seterusnya menyepadukan dan menyelaraskan faktor pelaburan mampan dalam pertimbangan dasar arus perdana.

GLIC menyepadukan pertimbangan kemampanan ke dalam dasar pelaburan yang akan mempamerkan pengiktirafan mereka terhadap keadaan material faktor kemampanan dan komitmen untuk menyepadukan faktor tersebut ke dalam proses pelaburan.
  - ii) GLIC tidak menyepadukan pertimbangan pelaburan mampan ke dalam dasar pelaburan teras mereka, tetapi sebaliknya membangunkan dasar pelaburan mampan yang berasingan, dan memastikan penjajaran dilakukan dalam fasa pelaksanaan strategi pelaburan.

Mewujudkan satu dasar sendiri dapat membantu menggambarkan pendirian GLIC mengenai pelaburan mampan, sambil menetapkan jangkaan yang jelas bagi syarikat penerima pelaburan mereka.

**Contoh 1: *Pension Protection Fund (PPF)*, United Kingdom**

**Pendekatan: Memasukkan kemampanan sebagai sebahagian daripada dasar pelaburan**

PPF ialah sebuah dana berkanun di UK yang ditubuhkan di bawah UK's Pensions Act 2004. PPF telah memasukkan pertimbangan pelaburan bertanggungjawab sebagai sebahagian daripada Penyataan Prinsip Pelaburannya. Penyataan tersebut menyediakan rangka yang jelas tentang pandangan organisasi tersebut terhadap ESG dan bagaimana ia akan menyepadukan ESG di seluruh rantai nilai pelaburannya. Seterusnya, penerangan peringkat tinggi mengenai pengurusan pengurus dananya turut dinyatakan dalam Penyataan tersebut.

**Ekstrak daripada Pernyataan Prinsip Pelaburan PPF**

- PPF percaya bahawa untuk memenuhi komitmen ini dan untuk melindungi dan meningkatkan nilai pelaburan dalam Dana, ia mesti bertindak sebagai pemilik aset dan peserta pasaran yang bertanggungjawab dan berwaspada.
- Seterusnya, PPF percaya bahawa faktor ESG boleh memberi kesan ke atas prestasi pelaburannya, dan bahawa pengurusan risiko ESG dan eksploitasi peluang ESG terutamanya bagi isu seluruh portfolio seperti perubahan iklim boleh menambah nilai kepada portfolionya.
- PPF mentakrifkan faktor ESG sebagai interaksi pelaburannya dengan:
  - persekitaran fizikal (alam sekitar);
  - komuniti, tenaga kerja, masyarakat dan ekonomi yang lebih luas (sosial);
  - struktur tadbir urus organisasi dan pasaran di tempat PPF membuat pelaburan, serta yang dibuat oleh ejennya (tadbir urus, termasuk tadbir urus korporat).
- PPF akan menyepadukan pertimbangan ESG material dan isu berkaitan iklim merentas semua kelas aset dan pasaran di tempat ia membuat pelaburannya. PPF menjangkakan semua pengurus dananya, menurut kesesuaian, perlu mempunyai faktor ESG material yang bersepadu termasuk risiko berkaitan iklim sebagai sebahagian daripada analisis pelaburan dan proses membuat keputusan mereka. Wajaran yang sesuai akan diberikan kepada dasar, proses, aktiviti pengawasan dan pelaporan ESG dalam urusan pelantikan pengurus dana. PPF akan melibatkan dan mempertanggungjawabkan pengurus dana dalam hal ini sebagai sebahagian daripada proses pemantauan tetapnya.
- PPF akan turut menunjukkan aktiviti pengawasan yang sesuai melalui peruntukan, pelibatan dan pemantauan pengurus dana, syarikat penerima pelaburan dan ejen lain yang bertanggungjawab. Secara khusus, PPF, atau ejen-ejen bagi pihaknya, akan menggunakan hak pemilikannya, termasuk akses kepada pengurusan syarikat dan hak mengundi ke atas perkara termasuk struktur modal, risiko, strategi, prestasi, isu sosial dan alam sekitar (termasuk perubahan iklim) dan tadbir urus korporat, untuk melindungi pulangan yang mampan.

Baca lebih lanjut mengenai Penyataan Prinsip Pelaburan PPF [di sini](#).

**Contoh 2: *Canada Pension Plan Investments (CPP Investments)*, Kanada****Pendekatan: Mewujudkan dasar pelaburan mampan sendiri**

Dasar Pelaburan Bertanggungjawab CPP Investments menggambarkan rangka yang jelas tentang pendekatan organisasi terhadap ESG serta cara ia melaksanakan aktivisme pemegang saham.

Komponen yang dibentangkan dalam dasar pelaburan bertanggungjawab tersebut termasuk:

- **Mandat daripada kerajaan persekutuan dan wilayah untuk berkhidmat sebagai pengelola CPP**
- **Prinsip pelaburan yang luas** termasuk pelaburan bertanggungjawab yang menyatakan bahawa faktor ESG mempunyai pengaruh positif ke atas prestasi kewangan jangka panjang dan bahawa analisis pelaburan hendaklah memasukkan faktor ESG hingga ke tahap faktor itu memberi kesan kepada risiko dan pulangan
- **Libat urus termasuk kaedah libat urus dan bidang tumpuan**
- **Tanggungjawab dan pelaporan** khususnya mengenai peranan Jawatankuasa Pelaburan Bertanggungjawab dan Laporan tahunan mengenai Pelaburan Bertanggungjawab

Baca lebih lanjut mengenai Dasar Pelaburan CPP mengenai Pelaburan Bertanggungjawab [di sini](#).

- 2.4 GLIC hendaklah menggunakan rangka kerja pelaburan mampan mereka terhadap aset bawah pengurusan (AUM) mereka. GLIC boleh memilih untuk menggunakan pendekatan pelaburan mampan yang berbeza untuk kelas aset, strategi atau portfolio individu, tetapi hendaklah memastikan bahawa ketelusan mengenai pendekatan pelaburan mampan diberikan kepada pihak berkepentingan yang berkaitan.

**Contoh: *Public Investment Fund (PIF)*, Arab Saudi**

PIF ialah dana kekayaan negara kerajaan Arab Saudi, yang diberi mandat untuk memacu transformasi dan mempelbagaian ekonomi Kerajaan.

Rangka Kerja Kewangan Hijau PIF menggariskan strategi dan pelan hala tuju ESG ke arah mencapai penyepaduan ESG merentas proses dan portfolio, dan penzahiran khusus selaras dengan piawaian antarabangsa. Oleh itu, PIF telah mengenal pasti inisiatif besar berikut dari segi liputan dan penyepaduan ESG:

- Membangunkan rangka kerja penskoran ESG proprietari;
- Melaksanakan pelan peralihan karbon PIF untuk menyokong cita-cita sifar bersih Kerajaan menjelang 2060;
- Membangunkan dasar dan garis panduan ESG untuk syarikat portfolio;
- Menarik pelaburan tematik termasuk melalui penerbitan bon hijau;
- Membentuk dan menerima guna piawaian pelaporan dan penzahiran antarabangsa; dan
- Mewujudkan platform pertukaran sukarela untuk kredit karbon.

PIF juga menyasarkan untuk memperjuangkan enam (6) tema ESG utama berdasarkan portfolio dan salurannya:

- kesan ekologi dan biokepelbagaian;
- jejak karbon dan pengurusan tenaga;
- penggunaan tenaga boleh diperbaharu dan teknologi bersih;
- pengurusan air dan sisa;
- kesan komuniti dan sosioekonomi; dan
- tadbir urus korporat.

Baca lebih lanjut mengenai Rangka Kerja Kewangan Hijau PIF [di sini](#).

- 2.5 Dalam membangunkan strategi pelaburan mereka, GLIC hendaklah menjalankan penilaian untuk mengenal pasti faktor dalaman dan luaran yang akan memberi dedahan kepada portfolio pelaburan mereka. Penilaian tersebut dilakukan terhadap peruntukan aset atau aset tertentu, bergantung pada kesanggupan dan pendekatan pilihan GLIC.

**Panduan:**

Penilaian ini akan memastikan portfolio pelaburan GLIC mampu mengharungi sebarang turun naik atau perubahan dalam pasaran modal.

- a) Beberapa contoh faktor dalaman ialah:
- i) Mandat individu dan tugas fidusiari organisasi; dan
  - ii) Keutamaan risiko-pulangan
- b) Beberapa contoh faktor luaran ialah:
- i) Faktor alam sekitar, seperti perubahan iklim, penebangan hutan dan pencemaran;
  - ii) Faktor sosial, seperti hak buruh, demografi dan kemiskinan; dan
  - iii) Faktor tadbir urus, seperti peraturan pasaran dan sistem perundangan.
- c) Bagi portfolio yang diuruskan secara luaran, GLIC hendaklah menggalakkan EFM mereka untuk menjalankan penilaian yang serupa.

**Dana dan pembekal perkhidmatan yang diuruskan secara luaran**

- 2.6 GLIC hendaklah menjalankan libat urus dengan EFM mereka dalam menetapkan jangkaan agar EFM mematuhi dasar, strategi atau rangka kerja pelaburan mampan GLIC.

**Contoh: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Malaysia**

KWSP ialah dana simpanan persaraan yang berfungsi sebagai organisasi keselamatan sosial di Malaysia. Pada 31 Mac 2022, KWSP melancarkan Polisi Pelaburan Lestari, Polisi Isu Keutamaan dan Polisi Sektor Keutamaan.



Sebagai sebahagian daripada rangka kerja Pelaburan Lestari KWSP, KWSP menghendaki kesemua 16 EFMnya memasukkan pertimbangan ESG semasa membuat keputusan pelaburan mereka dan bekerjasama dengan KWSP untuk mempromosikan agenda ESG. Pada majlis pelancaran KWSP, kesemua 16 EFM menandatangani Ikrar Pelaburan Lestari bagi menyuarkan komitmen mereka untuk memasukkan pertimbangan ESG ke dalam proses membuat keputusan pelaburan mereka.

Contoh ini menggambarkan satu kes bagaimana GLIC boleh memastikan dasar pelaburan lestari mereka disampaikan kepada EFMnya.

Baca lebih lanjut mengenai Dasar Pelaburan Lestari KWSP [di sini](#) dan [ucapan Menteri Kewangan](#).

- 2.7 GLIC hendaklah mengarahkan EFM dan penyedia perkhidmatan pelaburan mereka seperti penganalisis kewangan, perunding, aktuari, broker, firma penyelidikan, pembekal indeks atau syarikat penarafan untuk menyepadukan pertimbangan pelaburan yang mampan ke dalam perkhidmatan yang diberikan kepada GLIC.

**Panduan:**

Walaupun EFM dan penyedia perkhidmatan pelaburan mungkin berada pada peringkat berbeza dalam perjalanan pelaburan mampan mereka, berhubung dengan keperluan bidang kuasa masing-masing dan pendedahan geografi portfolio pelaburan, piawaian dan kriteria pelaburan mampan boleh dianggap telah ditepati dan dipenuhi, selagi EFM dan penyedia perkhidmatan menunjukkan komitmen dan kemajuan dalam menyepadukan pertimbangan kemampuan dalam menyediakan perkhidmatan kepada GLIC.

**Contoh: Future Fund (FF), Australia**

FF mempertimbangkan sejauh mana pengurus menangani risiko dan peluang kewangan dengan berkesan yang mungkin timbul daripada isu ESG, sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan pemantauan pengurusnya.

**Ekstrak daripada Pernyataan Dasar Pelaburan FF**

**Partnering with external investment managers**

*Direct asset investments*

- 12.4 The Agency structurally integrates ESG considerations into the Future Fund's investment decision making process, including assessments of ESG and reputational risk issues for all new investments considered by the Investment Committee as well as the Asset and Manager Review Committees where relevant.
- 12.5 Where we make direct investments (eg in infrastructure, property, timberland or private equity), an evaluation of ESG and reputational risk factors is undertaken internally. The due diligence supporting direct investments typically features dedicated analysis by our investment managers to review the extent of ESG risk related to the assets under consideration. Where particularly complex or unique risks have been identified, the Agency may procure supplementary third-party research to ensure these issues are accurately integrated in our investment decision making process.
- 12.6 The Board will review the governance arrangements of an investment vehicle before committing capital. Where applicable, the Board will seek appropriate information, engagement, enforcement and termination rights and will ensure its interests are effectively represented through appropriate active representation on the vehicles' governance bodies. The Board will oversee the quality of the governance of the underlying assets held through those vehicles either through its managers or directly as appropriate.

Baca lebih lanjut mengenai Pernyataan Dasar Pelaburan FF [di sini](#).

- 2.8 GLIC hendaklah memasukkan pertimbangan dan keperluan pelaburan mampan dalam mandat EFM serta dalam proses penilaian wajar mereka.

**Panduan:**

- a) Proses tersebut boleh jadi dalam bentuk soal selidik permintaan cadangan (RFP) untuk menilai keteguhan pendekatan pelaburan mampan EFM, dan mengikut keperluan khusus mandat, seperti pendedahan geografi, saiz dan gaya mandat, serta prestasi masa lalu EFM, termasuk prestasi kemampanan.
- b) GLIC digalakkan untuk memasukkan pertimbangan pelaburan mampan di seluruh bahagian soal selidik RFP yang berkaitan, atau memperuntukkan bahagian khusus untuk kemampanan dalam soal selidik tersebut.
- c) Beberapa pertimbangan kemampanan yang boleh dimasukkan dalam soal selidik RFP termasuk:
- i) Struktur dan dasar pelaburan firma
    - Butiran rangka kerja tadbir urus kemampanan EFM (cth. Jika EFM merujuk kepada dasar pelaburan atau kemampanan dan cara ia dilaksanakan dalam firma)
    - Pematuhan kepada piawaian pelaburan bertanggungjawab yang diterima di peringkat global atau secara meluas
    - Keupayaan dan sumber dalaman (cth. jika EFM mempunyai pasukan kemampanan yang ditetapkan dan sifat interaksi dengan pasukan pelaburan)

- ii) Proses pelaburan
  - Butiran mengenai cara kemampanan disepadukan ke dalam proses membuat keputusan pelaburan
  - Butiran mengenai data kemampanan, peralatan dan penyelidikan yang digunakan dalam proses membuat keputusan pelaburan
  - Butiran tentang cara penilaian risiko materialiti kemampanan dijalankan  
Sejauh mana kemampanan akan mempengaruhi pembuatan keputusan pelaburan
- iii) Pemilikan aktif
  - Pengaruh pemilikan aktif terhadap pembuatan keputusan pelaburan
  - Kekekapan libat urus bersama syarikat portfolio
  - Proses pemakluman secara terperinci kepada pelabur
- iv) Pelaporan
  - Kekekapan pelaporan aktiviti penyepaduan
  - Kaedah pelaporan aktiviti penyepaduan

**Contoh: *Government Pension Investment Fund (GPIF), Jepun***

GPIF meneliti inisiatif ESG sewaktu menilai EFM mereka yang menguruskan ekuiti dan aset pendapatan tetap mereka. GPIF juga menjalin kerjasama dengan beberapa bank pembangunan pelbagai hala dan institusi kewangan kerajaan untuk mengembangkan peluang pelaburan dalam bon hijau, sosial dan bon-bon lain yang berkaitan dengan ESG.

**ESG Integration in Asset Manager Evaluations**

Most of GPIF's portfolio assets are managed externally by asset management companies in Japan and overseas. The Public Market Investment Department and Investment Strategy Department work together to select and evaluate these companies. Managers are evaluated on their investment policies, asset management processes, organizational structure and human resources. ESG integration is a key part of the asset management process review.

As a PRI signatory, in 2018 we defined ESG integration as "the explicit and systematic inclusion of ESG factors into investment analysis and investment decisions," based on the definition provided by PRI.

In fiscal 2019, we established evaluation criteria for ESG

integration based on this definition and began comprehensive asset manager evaluations according to these new criteria. In addition to evaluating existing external asset managers, the new ESG integration criteria are also used when selecting new external asset managers.

Although an increasing number of asset managers emphasize ESG and are explicitly and systematically including it in their investment analysis, there are no established methods for assessing how and to what degree ESG factors have an impact on corporate value, and individual asset managers have adopted their own various initiatives in this regard. We hope to see further progress in this and other areas of ESG integration among asset managers in the future.

### ESG Integration in Fixed Income Investments

GPIF and the World Bank Group have been working together to promote ESG integration in fixed income investment through efforts such as publishing a joint research paper entitled "Incorporating Environment, Social and Governance (ESG) Factors into Fixed Income Investment" in 2018.

Following up on this research, the International Bank for Reconstruction and Development (IBRD) and the International Finance Corporation (IFC)—both members of the World Bank Group—drew up a new proposal in 2019 to provide GPIF's external asset managers with an opportunity to invest in green, social and sustainability bonds.

GPIF provides its external asset managers with opportunities to both integrate ESG into their fixed income investments and gain excess return over government bonds by building platforms in which they can invest in green, social and sustainability bonds issued by multilateral

development banks and governmental financial institutions.

The initiative, launched in collaboration with IBRD and IFC, has since expanded to more of the world's major multilateral development banks. In fiscal 2020, while maintaining these existing partnerships, we have entered into new partnerships with three governmental financial institutions : Nederlandse Waterschapsbank (NWB Bank) in the Netherlands, Kommunalbanken Norway (KBN) in Norway, and Export Development Canada (EDC) in Canada. As of March 31, 2021, we have built investment platforms with ten multilateral development banks and six governmental financial institutions as issuers.

GPIF is committed to promoting ESG-based investment, not only in equities but also in fixed income and other assets, in order to limit negative environmental and social externalities and enhance the long-term return of the portfolio across all asset classes.

Baca lebih lanjut mengenai ESG GPIF dalam ekuiti luaran dan pengurusan pendapatan tetap [di sini](#).

- 2.9 GLIC hendaklah meminta EFM mereka menyediakan dasar pelaburan mampan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk memahami komitmen EFM terhadap pengurusan pelaburan mampan pada tahap firma.

#### **Panduan:**

GLIC hendaklah meminta EFM mereka memberikan penerangan mengenai pendekatan dan metodologi pelaburan mampan mereka untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai keupayaan kemampunan pengurus dan juga untuk mengesahkan maklum balas kepada borang soal selidik.

### **3.0 Proses dan Metodologi Pelaburan**

**GLIC akan menerima pakai dan melaksanakan kaedah pelaburan dan keputusan pelaburan mampan pada situasi yang bersesuaian.**

Prinsip ini bertujuan untuk memastikan GLIC memasukkan strategi, proses dan kaedah pelaburan mampan yang bersesuaian ke dalam aktiviti pelaburan mereka. Faktor kemampuan hendaklah dipertimbangkan dengan sewajarnya dalam keputusan pelaburan GLIC kerana implikasinya berjangka luas. Dengan memasukkan pertimbangan kemampuan, GLIC akan berupaya meningkatkan pulangan terlaras risiko mereka pada jangka masa panjang dan juga dapat melunaskan tugas fiduciary kepada pihak berkepentingan mereka.

Terdapat pelbagai pendekatan pelaburan mampan dan ia berbeza bagi setiap kelas aset dan saiz portfolio pelaburan. Prinsip ini bukan bertujuan untuk menetapkan pendekatan pelaburan mampan tertentu bagi GLIC, sebaliknya sebagai panduan supaya GLIC boleh memasukkan pendekatan tersebut dalam pelaburan mampan mereka.

Apabila GLIC mengagihkan mandat pelaburan kepada EFM untuk melaksanakan pelaburan mampan, GLIC hendaklah mengambil kira piawaian dan keperluan-keperluan pelaburan mampan semasa di peringkat negara, serantau dan antarabangsa mengikut tempat EFM beroperasi. GLIC hendaklah berusaha melibatkan dan menaik taraf EFM dalam senario yang membolehkan piawaian yang kurang tegas digunakan.

Keperluan-keperluan di bawah prinsip ini mendukung penggunaan dan pelaksanaan 5 Prinsip MCII yang menyatakan bahawa pelabur institusi "hendaklah memasukkan pertimbangan tadbir urus korporat dan kemampuan, termasuk hal-hal berkaitan iklim ke dalam proses membuat keputusan pelaburan mereka dan hendaklah berusaha menghasilkan pulangan mampan demi kepentingan jangka panjang benefisiari atau pelanggan mereka."

## **Pengurusan pelaburan mampan**

- 3.1 GLIC hendaklah memasukkan pertimbangan kemampanan dalam keputusan pelaburan dan pemilikan aktif mereka yang dilaksanakan di seluruh rantai nilai pelaburan, termasuk struktur dan dasar tadbir urus mereka, begitu juga dengan pembentukan dan pelaksanaan strategi pelaburan, sama ada dijalankan oleh kumpulan dalam syarikat atau EFM.

**Contoh: Korea Investment Corporation (KIC), Republik Korea**


KIC ditubuhkan pada 2005 untuk mengurus dana awam yang diamanahkan oleh kerajaan dan Bank Korea melalui pelaburan dalam pelbagai aset kewangan antarabangsa. KIC menerbitkan laporan pelaburan mampan tahunan, selain laporan tahunannya, untuk memberikan maklumat terkemas kini kepada pemegang sahamnya mengenai pelbagai dasar, aktiviti dan inisiatif pelaburan mampan mereka.

**Ekstrak daripada Laporan Pelaburan Mampan 2021 KIC**

Penyepaduan ESG mewakili pendekatan pelaburan yang memasukkan faktor ESG dalam semua proses membuat keputusan pelaburan. KIC telah menubuhkan dan sedang mengguna pakai pendekatan ESG yang sesuai bagi aset tradisional dan alternatif, begitu juga pelaburan secara langsung dan tidak langsung. Kami menyasarkan pulangan jangka panjang yang lebih tinggi dengan mempertimbangkan faktor ESG yang mungkin menjejaskan nilai aset jangka panjang sasaran pelaburan kami.

Di KIC, kami mengamalkan penyepaduan ESG melalui empat saluran utama:

- 1) Pelaburan khusus ESG: Strategi dan portfolio pelaburan ditumpukan kepada faktor ESG. KIC memiliki tiga dana ekuiti awam dengan strategi ESG dan tujuh aset alternatif projek hijau dan sosial.
- 2) Penyepaduan ESG tahap portfolio: Saluran ini digunakan untuk pendapatan tetap melalui bon hijau, sosial dan mampan dan untuk pelaburan kuantitatif melalui substrategi ESG masing-masing.
- 3) Semakan ESG: Kami menyemak semua pengurus luaran serta pelaburan alternatif pelaburan secara langsung dan pelaburan bersama kami dari segi faktor ESG.
- 4) Program ESG: Kami juga menjalankan Program Syarikat Khas ESG dan Strategi Pengecualian KIC.



3.2 GLIC digalakkan untuk menjalankan libat urus bersama dengan pihak berkepentingan mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kaedah kaji selidik atau temu bual, untuk memahami pandangan dan harapan mereka mengenai faktor kemampanan, untuk mengenal pasti misi, visi atau pernyataan tujuan kemampanan mereka.

**Contoh: *Pensioenfonds PGB(PGB), Belanda***

PGB ialah sebuah dana persaraan sektor swasta di Belanda. Pada 2016, PGB telah menjalankan satu kaji selidik untuk mendapatkan pemahaman mengenai jangkaan dan hasrat peserta berkenaan dengan pelaburan mampan.

Keputusan kaji selidik tersebut adalah seperti berikut:

- Pelaburan bertanggungjawab sosial tidak sepatutnya mengabaikan pulangan atau menjurus kepada risiko yang lebih tinggi;
- Elakkan ganjaran yang tinggi, penyelewengan atau penipuan;
- Wujudkan dasar yang menggalakkan kesihatan, persekitaran kerja dan hak kemanusiaan yang baik,
- Jangan melabur dalam sektor yang paling kontroversi; tembakau dan senjata;
- Jangan melabur dalam syarikat yang menggunakan buruh kanak-kanak; dan
- Lebihkan pelaburan dalam syarikat dan infrastruktur Belanda.

**Ekstrak daripada Dasar SRI PGB**



Pada 2018, PGB menyatakan hasrat untuk meninggalkan kesan positif kepada alam sekitar. Berikutan dengan hasrat tersebut, ia menggunakan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai sandaran. Pada 2018 dan 2019, para peserta telah diminta memberi pendapat yang manakah antara 17 matlamat pembangunan tersebut dianggap paling penting bagi mereka.

Berikut adalah matlamat yang dikenal pasti sebagai paling penting:

- Kesihatan dan kesejahteraan (SDG 3)
- Tenaga boleh diperbaharu yang mampu milik (SDG 7)
- Pertumbuhan kerja dan ekonomi yang bersesuaian (SDG 8)
- Industri, Inovasi dan Infrastruktur (SDG 9) dan
- Tindakan untuk menangani perubahan iklim (SDG 13)

PGB menggunakan kelima-lima SDG tersebut sebagai objektif utama dalam dasar pelaburan bertanggungjawab sosial ini dan melaporkannya dalam laporan pelaburan bertanggungjawab sosial.

Baca lebih lanjut mengenai kaji selidik dan pendekatan PGB terhadap pelaburan bertanggungjawab [di sini](#).

- 3.3 GLIC hendaklah memasukkan pertimbangan kemampanan dalam melaksanakan strategi pelaburan mereka yang akan mempengaruhi pembentukan, pemilihan dan pengendalian strategi dan sasaran pelaburan mereka.

**Panduan:**

- a) Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diambil oleh GLIC untuk memasukkan pertimbangan kemampanan dalam melaksanakan strategi pelaburan mereka. Contohnya, melaksanakan analisis senario yang akan membolehkan GLIC meneroka pelbagai senario yang berkemungkinan dan memupuk pemahaman tentang cara pelbagai risiko dan peluang fizikal serta peralihan boleh memberi kesan kepada perniagaan dari semasa ke semasa.
- b) GLIC boleh mempertimbangkan kategori risiko dan peluang kemampanan berikut semasa melaksanakan analisis senario (tidak menyeluruh):
- Peralihan pasaran dan teknologi.
  - Pertimbangan reputasi.
  - Dasar, perundangan dan persekitaran kawal selia.
  - Fizikal (akut dan kronik)

**Contoh: Temasek Holdings Limited (Temasek), Singapura**

Temasek ialah sebuah syarikat pemegang negara yang dimiliki oleh Kerajaan Singapura. Sejajar dengan strategi portfolio jangka panjangnya, Temasek menerima

pakai pendekatan berasaskan senario untuk memastikan kesan berpotensi daripada laluan suhu yang berbeza.

### Ekstrak daripada laman web Temasek

Temasek memasukkan analisis senario iklim, bersama-sama dengan keadaan makroekonomi atau geopolitik yang lain, dalam [Temasek Geometric Expected Return Model](#) (T-GEM), yang menggunakan pendekatan berasaskan senario untuk mensimulasikan pulangan jangka panjang 20 tahun yang dijangka.

Mengambil kira terdapatnya ketakpastian trajektori dan pulangan global, dalam T-GEM, Temasek mensimulasikan jangkaan pulangan bagi tempoh 20 tahun di bawah senario alternatif yang berbeza, termasuk: (1) yang satu dengan Cita-cita Rendah, dengan kesan peralihan sifar tetapi kos fizikal yang tinggi dijangkakan dalam jangka masa yang lebih panjang; dan (2) yang satu dengan Cita-cita Tinggi, dengan kos peralihan jangka masa lebih singkat yang lebih tinggi untuk menghindarkan atau mengurangkan kos fizikal jangka masa lebih panjang.

The table below summarises the scenarios:

Name	Scenario	Description	Temperature increase (by 2100)
Low Ambition	SSP2-Baseline	Business as usual (BAU) scenario reflecting only existing climate policies and predicted technology cost trends, with no further policy changes.	4.0°C
Medium Ambition	SSP2-45	Assumes immediate policy action with gradual adaptation and relatively less disruption; full availability of carbon dioxide removal technologies is also assumed.	2.0 - 2.2°C
High Ambition	SSP2-26, FPS	Incorporates likely effects of more ambitious climate policies to limit global warming below 2°C, which involves much greater near-term transition costs and a reliance on negative emissions technologies.	1.7°C

Baca lebih lanjut mengenai analisis senario iklim Temasek [di sini](#) atau [di sini](#).

- 3.4 GLIC hendaklah mempertimbangkan pembangunan mandat pelaburan mampan di seluruh kelas aset, yang sepatutnya merangkumi cara pertimbangan kemampuan diterapkan ke dalam proses membuat keputusan pelaburan.

**Panduan:**

- a) GLIC digalakkan untuk menetapkan mandat pelaburan mampan tersuai bagi setiap kelas aset, termasuk pendekatan kemampanan dan aspek berkaitan yang lain untuk dipertimbangkan.
- b) Sebagai alternatif, GLIC boleh mempertimbangkan untuk merumuskan satu mandat pelaburan mampan umum yang berkaitan dan boleh diguna pakai bagi semua kelas aset.

**Contoh 1: *California Public Employees' Retirement System (CalPERS), Amerika Syarikat***

**Ekstrak daripada laman web CalPERS**

Pada 2016, CalPERS membangunkan satu set garis panduan amalan pelaburan mampan bagi setiap kelas aset yang mencerminkan keperluan dan strategi mereka. Garis panduan tersebut menyepadukan pegangan, prinsip dan dasar sedia ada yang berkaitan dengan pertimbangan ESG, termasuk Pegangan Pelaburan, Prinsip Tadbir Urus Global dan enam Prinsip Pelaburan Mampan yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya dapat berkembang dan disesuaikan dengan amalan terbaik industri kerana data dan peralatan muncul dan bertambah baik:

- [Global Equity Sustainable Investment Practice Guidelines](#)
- [Global Fixed Income Sustainable Investment Practice Guidelines](#)
- [Private Equity Sustainable Investment Practice Guidelines](#)
- [Real Assets Sustainable Investment Practice Guidelines](#)

Baca lebih lanjut mengenai Program Pelaburan Mampan CalPERS [di sini](#).

**Contoh 2: *Algemene Pensioen Groep (APG), Belanda***

APG ialah penyedia persaraan yang menyediakan dana persaraan untuk lebih daripada 4.8 juta orang mewakili beberapa dana persaraan Belanda. Perkhidmatannya merangkumi pentadbiran dana persaraan, pengurusan aset, sokongan pengurusan dan perkhidmatan komunikasi.

**Ekstrak daripada Garis Panduan Bon Hijau, Sosial dan Mampan APG**

Bagi APG, pelaburan yang bertanggungjawab adalah satu cara untuk memperbaiki profil risiko/pulangan portfolio pelaburan di samping menyumbang kepada dunia yang lestari bagi pelanggan kami dan peserta mereka. Sebagai pelabur jangka panjang, APG komited untuk meningkatkan pelaburannya dalam penyelesaian yang menyumbang kepada SDG PBB bagi pihak pelanggan. Pelaburan dalam bon hijau, sosial dan mampan membantu APG untuk mencapai hasrat ini.

APG pada mulanya menilai pelaburan bon yang berpotensi untuk memastikan ia memenuhi keperluan risiko dan pulangan kewangan serta pertimbangan ESG. Seterusnya, APG menggunakan rangka kerja khusus bagi sektor tertentu untuk mengenal pasti pelaburan yang menyumbang kepada SDG dan diklasifikasikan sebagai Pelaburan Pembangunan Mampan (SDI). Bagi memastikan setiap pelaburan memenuhi piawaian kualiti dan integriti ESG-nya, APG menangani isu utama yang dihadapi oleh pasaran bagi bon hijau dan sosial secara berhemah.

Baca lebih lanjut mengenai Garis Panduan Bon Hijau, Sosial dan Mampan APG [di sini](#).

**Contoh 3: Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Malaysia**

KWAP ialah kumpulan wang persaraan perkhidmatan awam Malaysia. KWAP telah membangunkan mandat pelaburan mampan tersuai bagi sebahagian kelas aset dalam dana yang dilaburkan.

**Ekstrak daripada Pernyataan Pematuhan kepada MCII 2020 KWAP**

KWAP menubuhkan Garis Panduan ESG bagi Pendapatan Tetap dalaman pada 2017. Dokumen tersebut berfungsi sebagai panduan bagi KWAP dalam memantau tingkah laku peminjam dan penerbit bonnya berkaitan dengan ESG. Pada 2019, KWAP memperkenalkan Garis Panduan ESG bagi Ekuiti Swasta. Pada 2020, KWAP memperhebat penyepaduan ESG dalam semua cadangan pelaburan PE bagi rakan kongsi umum baharu dan sedia ada. ESG telah digabungkan dalam proses penskoran bagi pemilihan pengurus dana pelaburan PE.

Baca lebih lanjut mengenai amalan ESG KWAP [di sini](#).

3.5 GLIC hendaklah bertindak berpandukan tugas fidusiarinya dan keperluan perundangan yang berkaitan apabila menentukan kaedah atau gabungan kaedah pelaburan mampan yang bersesuaian, yang paling menepati objektif dan mandat pelaburan mereka.

a) Sebagai panduan, GLIC boleh mempertimbangkan pendekatan pelaburan mampan yang dinyatakan di bawah, yang menggambarkan pelbagai pendekatan pelaburan mampan yang sedang diamalkan di peringkat global, tetapi senarai ini tidak menyeluruh.

<b>Pendekatan Teras</b>	<b>Perihalan</b>
<b>Penyepaduan ESG</b>	Faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus dimasukkan ke dalam analisis kewangan secara sistematik dan eksplisit oleh pengurus pelaburan.
<b>Libat urus korporat dan tindakan pemegang saham</b>	Menggunakan kuasa pemegang saham untuk mempengaruhi tingkah laku korporat, termasuk melalui libat urus korporat secara langsung (cth., berkomunikasi dengan pengurusan kanan dan/atau lembaga pengarah

	syarikat), memfailkan atau memfailkan bersama cadangan pemegang saham, dan pengundian proksi yang dipandu oleh garis panduan ESG yang menyeluruh.
<b>Saringan berasaskan norma</b>	Menapis pelaburan berdasarkan piawaian minimum perniagaan atau amalan penerbit di Malaysia, dan yang mana terpakai dan sesuai, berasaskan norma antarabangsa yang berkaitan.
<b>Saringan negatif/pengecualian</b>	Pengecualian daripada dana atau portfolio sektor, syarikat, negara atau penerbit lain yang tertentu berdasarkan aktiviti yang dianggap tidak boleh dilaburkan. Kriteria pengecualian (berdasarkan norma dan nilai) boleh merujuk kepada, contohnya, kategori produk (cth. senjata, tembakau), amalan syarikat (cth. ujian menggunakan haiwan, pencabulan hak asasi manusia, rasuah) atau kontroversi.
<b>Saringan paling bagus/positif</b>	Pelaburan dalam sektor, syarikat atau projek yang dipilih kerana prestasi ESG yang positif berbanding dengan rakan setara industri, dan mencapai penarafan melebihi tahap ambang yang ditetapkan.
<b>Pelaburan bertema kemampuan</b>	Melabur dalam tema atau aset yang secara khusus menyumbang kepada penyelesaian mampan – alam sekitar dan sosial – (cth. pertanian lestari, bangunan hijau, portfolio cenderung rendah karbon, kesaksamaan jantina, kepelbagaian).
<b>Pelaburan impak dan pelaburan komuniti</b>	<p><b>Pelaburan Impak</b> Melabur untuk mencapai impak positif, sosial dan alam sekitar - memerlukan pengukuran dan pelaporan terhadap impak tersebut, menunjukkan kesengajaan pelabur dan aset/penerima pelaburan pendasar, dan mempamerkan sumbangan pelabur.</p> <p><b>Pelaburan komuniti</b> Modal ditujukan secara khusus kepada individu atau komuniti yang lazimnya terpinggir, serta pembiayaan yang diberikan kepada perniagaan dengan tujuan sosial atau alam sekitar yang jelas. Sesetengah pelaburan komuniti adalah pelaburan impak, tetapi pelaburan komuniti lebih meluas dan mempertimbangkan bentuk pelaburan lain dan aktiviti pemberian pinjaman yang disasarkan.</p>

Sumber: *Global Sustainable Investment Review 2020*

- b) GLIC boleh juga merujuk kepada pendekatan pelaburan mampan lain yang biasa digunakan.

- c) GLIC hendaklah memutuskan penggunaan strategi dan pendekatan yang paling sesuai dengan mandat dan objektif organisasi masing-masing. Strategi dan pendekatan ini tidak saling eksklusif dan boleh digabungkan penggunaannya.

**Contoh 1: *Abu Dhabi Investment Authority (ADIA), Emiriyah Abu Dhabi***

**Pendekatan: Penyepaduan ESG**

ADIA, dana kekayaan negara yang dimiliki oleh Emiriyah Abu Dhabi, memperakui akan kepentingan membina portfolio yang mampu meraih peluang dan menjangka cabaran yang timbul daripada trend utama global. Oleh itu, sejak beberapa tahun lepas ia telah mengambil langkah untuk menganalisis implikasi perubahan iklim dan menyepadukan pertimbangan iklim apabila membuat keputusan bagi pelaburan baharu dan sedia ada.

**Ekstrak daripada laman web ADIA**

Beberapa pendekatan dan inisiatif ADIA termasuk perkara berikut:

- ADIA mewujudkan lapan pasukan petugas khusus kelas aset dalaman, yang mempertimbangkan secara terperinci kesan perubahan iklim yang rumit kepada ADIA.
- Sebagai ahli pengasas Kumpulan Kerja One Planet Sovereign Wealth Fund, ADIA menyokong prinsip dalam rangka kerja yang dibangunkan oleh Kumpulan Kerja One Planet Sovereign Wealth Fund, yang bertujuan menggalakkan penyepaduan analisis perubahan iklim dalam pengurusan kumpulan aset besar, jangka masa panjang dan pelbagai.

ADIA telah menerapkan perubahan iklim ke dalam proses pelaburannya, yang merangkumi langkah:

- Menggalakkan jabatan pelaburannya untuk meneroka peluang berkaitan perubahan iklim, dalam peruntukan, belanjawan risiko dan garis panduan mereka yang sedia ada;
- Menggalakkan jabatan pelaburannya memasukkan impak perubahan iklim dan taksiran risiko sebagai sebahagian daripada cadangan pelaburan, penilaian wajar syarikat dan pengurus luar, pelaporan portfolio dan perancangan jabatan;
- Menubuhkan kumpulan kerja rentas jabatan untuk memantau perubahan dalam teknologi dan dasar iklim, yang melaporkan secara berkala kepada Jawatankuasa Pelaburan; dan
- Menggalakkan jabatan pelaburannya agar memantau amalan pelaburan perubahan iklim dalam interaksi mereka dengan pengurus luar.

Baca lebih lanjut mengenai pendekatan pelaburan mampan ADIA [di sini](#).

**Contoh 2: *Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Malaysia***

**Pendekatan: Saringan Negatif**

### **Ekstrak daripada laman web KWSP**

Pendekatan pelaburan mampan KWSP termasuk saringan negatif di peringkat tertinggi perniagaan yang telah ditentukan berstatus kontroversi, dan menggunakan strategi pelaburan yang sesuai berdasarkan tahap pelibatan dan pengaruh KWSP ke atas aset pelaburan serta prestasi ESG.

Saringan negatif menyisihkan peluang pelaburan berpotensi yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan negara berkontroversi yang ditentukan oleh KWSP. Senarai Aktiviti Perniagaan Kontroversi sedia ada telah menyisihkan syarikat yang terlibat dengan pengeluaran, pengedaran dan/atau perdagangan senjata, tembakau, minuman beralkohol, hiburan dewasa dan perjudian. KWSP akan menambah baik senarai pengecualian dengan mengambil kira pertimbangan ESG merentas semua kelas aset. Sekiranya boleh, KWSP melakukan penjajaran dengan piawaian tempatan dan antarabangsa serta amalan terbaik yang ditetapkan oleh pelbagai organisasi. Senarai pengecualian akan disemak setiap tahun.

Dasar Pelaburan Mampan KWSP merangkumi semua kelas aset pelaburan konvensional dan Syariah di tempat KWSP membuat pelaburan.

Bagi pelaburan Syariah, KWSP menyatakan bahawa walaupun pendekatan saringan negatif yang diguna pakai dalam pelaburan Syariah mempunyai impak sosial positif yang serupa dengan pelaburan beretika, pelaburan Syariah memerlukan lebih daripada saringan pengecualian untuk dianggap sebagai pelaburan mampan, iaitu termasuk tetapi tidak terhad kepada saringan positif, saringan berasaskan norma, libat urus aktif dan pelaburan tematik yang selari dengan objektif Syariah (*Maqasid Shariah*) yang menggalakkan kesejahteraan manusia dan mencegah kemudaratan dengan memelihara agama (iman), nyawa, akal, zuriat (generasi masa depan) dan kekayaan.

Baca lebih lanjut mengenai dasar pelaburan mampan KWSP [di sini](#).

### **Contoh 3: *Pensioenfonds Metaal & Techniek (PMT)*, Belanda**

#### **Pendekatan: Saringan paling bermutu/positif**

PMT ialah kesatuan pencen bagi industri logam dan teknologi di Belanda. PMT mengamalkan pendekatan saringan paling bermutu/positif apabila melakukan pelaburan dalam syarikat.

#### **Ekstrak daripada Dasar Pelaburan Bertanggungjawab PMT**

Hanya syarikat dan negara yang berprestasi baik berkaitan dengan faktor ESG dibenarkan dalam portfolio PMT. Pada masa yang sama, PMT tidak menggugurkan syarikat yang berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki tema ESG mereka dan menunjukkan peningkatan apabila PMT mengadakan perbincangan dengan syarikat berkenaan.

Dalam portfolio ekuiti, syarikat ditaksir berdasarkan skor MSCI ESG, dan syarikat yang mempunyai skor yang agak rendah akan dikeluarkan daripada portfolio. Di samping



itu, syarikat dalam sektor paling intensif karbon dalam portfolio ekuiti juga ditaksir berdasarkan Skor Peralihan Karbon Rendah MSCI. Langkah ini berdasarkan keamatan karbon semasa (pelepasan berbanding jualan) dan skor pengurusan yang berpandangan ke hadapan. Sebanyak 20% daripada syarikat yang mempunyai markah terendah dalam sektor intensif karbon akan dikeluarkan. Dengan cara ini, sebagai contoh, utiliti yang menggunakan arang batu dengan banyak untuk penjanaan tenaga dan tidak mempunyai perancangan untuk mengurangkan penggunaan tersebut akan disingkirkan daripada portfolio.

Menjelang 2030, PMT tidak mahu mempunyai mana-mana syarikat yang tidak mematuhi Perjanjian Paris dalam portfolionya, dengan syarat portfolio dapat disusun dengan baki syarikat yang sepadan dengan sasaran pulangan dan rangka kerja pelaburan strategik PMT.

Baca lebih lanjut mengenai dasar pelaburan bertanggungjawab PMT [di sini](#).

#### Contoh 4: **Canada Pension Plan Investments (CPP Investments)**

##### **Pendekatan: Pelaburan tematik**

##### **Ekstrak daripada *Laporan Pelaburan Mampan 2021 CPP Investments***

Pada 2019, pasukan Pelaburan Tematik *CPP Investments* mula melabur dalam portfolio Peluang Perubahan Iklim yang ditetapkan merentasi lima subbidang: (1) Kepenggunaan Hijau, (2) Bangunan & Bahan, (3) Pengangkutan, (4) Penjanaan Kuasa Baharu dan (5) Teknologi Pertanian. Portfolio ini melabur dalam syarikat awam dan swasta peringkat pertumbuhan, menawarkan teknologi dan model perniagaan baharu untuk menyesuaikan diri atau mengurangkan perubahan iklim. Strategi ini pada asasnya didorong dan terdiri daripada set syarikat awam dan swasta yang inovatif, pelbagai dan beroperasi secara global.

Portfolio Peluang Perubahan Iklim merangkumi pelaburan dalam syarikat, seperti Perfect Day, yang mencipta protein alternatif (untuk mengurangkan pelepasan daripada haiwan dalam pengeluaran makanan) dan menghasilkan penyeyjukan bangunan yang lebih cekap.

Baca lebih lanjut mengenai pendekatan Pelaburan CPP terhadap pelaburan tematik [di sini](#).

- 3.6 GLIC digalakkan untuk mengguna pakai metrik yang berkaitan dengan pengurusan pelaburan mampan mereka sebagai sebahagian daripada proses pelaburan mereka.

#### Panduan

Beberapa contoh metrik termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Peratusan AUM yang menggunakan pendekatan pelaburan mampan;
- Impak jelas kemampanan, kebergantungan, risiko dan peluang bagi setiap kelas aset; dan

- Penjejakan jenis libat urus (individu atau kolaboratif, diterajui penyedia perkhidmatan), komunikasi dan hasil terhadap sasaran libat urus yang dikenal pasti, serta impak kemampuan terhadap sasaran yang boleh diukur, terikat masa dan (jika boleh) berasaskan bukti; dan pelepasan gas rumah hijau (GHG) Skop 1, Skop 2, dan, jika sesuai, Skop 3.

### **Mandat Luaran**

- 3.7 GLIC hendaklah memasukkan pertimbangan dan keperluan kemampuan semasa proses pelantikan EFM atau rakan kongsi am, terutamanya dalam dokumentasi dana pengikat, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Perjanjian Pengurusan Pelaburan (IMA), Perjanjian Perkongsian Terhad (LPA) atau surat iringan.

#### **Panduan:**

Terma dana juga hendaklah merangkumi pengaturan mengenai cara GLIC akan sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan kemampuan EFM, sama ada dalam dokumentasi bertulis atau mesyuarat secara bersemuka.

- 3.8 GLIC hendaklah memaklumkan objektif kemampuan mereka kepada EFM, dan berbincang dengan EFM bagaimana ia akan dilaksanakan ketika memilih aset untuk pelaburan dan kemudiannya pemantauan portfolio tersebut.
- 3.9 GLIC hendaklah menjejaki dan memantau prestasi kemampuan pelaburan yang diawasi oleh EFM dan penyedia perkhidmatan pelaburan.

#### **Panduan:**

GLIC digalakkan untuk menjejaki prestasi secara berkala dengan kerap (contohnya sekali setiap suku tahun) untuk menilai kemajuan dan komitmen mereka dalam melaksanakan strategi pelaburan mampan GLIC.

#### **Contoh: *Korea Investment Corporation (KIC), Republik Korea***

KIC menyemak pelaburan bertanggungjawab EFM untuk pelaburan tak langsung. Bagi pelaburan langsung dan bersama dalam aset alternatif pula, kami menyemak faktor ESG sasaran pelaburan.

#### **Ekstrak daripada Laporan Pelaburan Mampan KIC 2021**

**5.3.1 ESG Assessment Platform For External Managers (Traditional Assets)**

When selecting external managers, KIC looks at how they conduct responsible investments for such traditional assets as equities and fixed-incomes. We give additional points to managers assessed to conduct responsible investments well, to properly reflect ESG factors in the manager selection process.

For external managers of traditional assets, assessments are based on ESG policies, ESG philosophies, extent of ESG factor consideration in the investment process, internal resources such as ESG research capability and an independent ESG team, stewardship activities and ESG-related disclosures.

We evaluated three fixed-income managers and three equity managers selected after the adoption of our ESG assessment platform in January of 2020. Evaluation results were reflected in the final investment decision.

Also, in the first half of 2020, we evaluated the degree to which our existing external managers conducted responsible investments and sent written notices about their evaluations. We strive to spread awareness of the importance of responsible investment.

**5.3.2 ESG Assessment Platform For Alternative Investments**

KIC conducts an independent ESG review of the target companies and target assets involved in direct and co-investments to check for potential ESG risks. Especially, when investing in green and social projects with the capital raised from a government-issued green & sustainability bond that we manage, we consider such related impacts as reduced carbon emissions, energy savings and job creation.

For indirect investments in alternative assets, we use an ESG Questionnaire to assess the responsible investment status and plans of general partners (GPs). Due to the nature of GPs who handle alternative assets, they are evaluated qualitatively instead of with additional

quantitative points, which is the case for external managers of traditional assets.

In doing so, we encourage our GPs to actively consider policies and processes related to responsible investment. KIC will also better identify the best practices of global managers and strengthen our capabilities.

ESG findings on all alternative assets are reported to both the Investment Working Committee and the Investment Committee and are reflected in our investment decisions.

Also, when needed, ESG Working Group which is comprised of managers from each asset class discusses important ESG-related issues.

Baca lebih lanjut mengenai Laporan Pelaburan Kemampanan KIC [di sini](#).

3.10 GLIC hendaklah memantau secara konsisten usaha EFM dalam melaksanakan pengurusan pelaburan atau khidmat nasihat dalam mematuhi amalan pelaburan mampan GLIC, dan memaklumkan implikasi daripada kegagalan memenuhi keperluan-keperluan pelaburan mampan.

**Panduan:**

Proses pemantauan EFM hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bidang yang berikut:

- a) Penzahiran mengenai aktiviti pelaburan termasuk tahap firma, tahap kelas aset, pengawasan dan hasil daripada libat urus yang dijalankan;
- b) Ke kerapannya pelaporan;
- c) Pengesahan laporan oleh pihak ketiga, dalam perkara yang berkaitan;
- d) Semakan dan pengesahan maklumat yang diberikan oleh EFM;
- e) Format pelaporan yang diseragamkan bagi membolehkan perbandingan dilakukan oleh GLIC; dan
- f) Mengenal pasti senarai tindakan berdasarkan penzahiran yang diberikan oleh EFM.

**Contoh: Government Pension Investment Fund (GPIF), Jepun**

GPIF melaksanakan penilaian komprehensif terhadap pengurus aset melalui penilaian kualitatif di samping mengambil kira pencapaian kuantitatif. Bagi peningkatan

pulangan untuk GPIF, organisasi percaya bahawa kemampuan keseluruhan pasaran adalah penting. Oleh itu, GPIF percaya bahawa adalah penting bagi pengurus pasif untuk melaksanakan aktiviti libat urus, yang akan menggalakkan syarikat penerima pelaburan untuk meningkatkan nilai korporat mereka dan pertumbuhan mampan keseluruhan pasaran dari perspektif jangka panjang.

GPIF memantau pengurus pelaburannya secara aktif melalui pelbagai pendekatan. Kaedah penilaiannya untuk aset alternatif dinyatakan seperti yang di bawah.

**Ekstrak daripada GPIF’s Stewardship Activities Report 2020-2021**

Berhubung dengan aktiviti Pengawasan, pengurus pasif dinilai dari segi sumbangan mereka kepada pertumbuhan mampan pasaran, manakala pengurus aktif dinilai dari segi sumbangan mereka bagi meningkatkan nilai pemegang saham syarikat penerima pelaburan dalam jangka masa panjang.

Weight	Equity passive	Equity active
Investment policy, investment process, organization, human resources, etc.	70%	90%
Stewardship responsibilities	30%	10%
Viewpoints of assessment of stewardship activities	Contribution to the sustainable growth of the market	Contribution to increasing shareholder value of the investee companies in the long term
Base for the assessment	(Common to both passive and active) Stewardship Code, GPIF’s Stewardship Principles and Proxy Voting Principles	

**Ekstrak daripada GPIF’s ESG Report 2019**

GPIF memantau pengurus aset jika terdapat sebarang perubahan dalam organisasi mereka yang bertanggungjawab terhadap ESG, sama ada dana di tempat mereka melabur untuk menubuhkan portfolio yang pelbagai adalah penandatanganan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI), dan bagaimana dana tersebut melaksanakan setiap elemen ESG. Selain meminta setiap pengurus aset menyediakan laporan yang memperincikan status inisiatif ESG mereka, GPIF memastikan ia terlibat secara aktif dan sentiasa dikemas kini mengenai isu-isu tersebut melalui dialog secara kerap dengan pengurus aset.

Baca lebih lanjut mengenai bagaimana GPIF menguruskan ESG dan aktiviti pengawasannya [di sini](#) dan [di sini](#).

**Pengurusan risiko pelaburan mampan**

- 3.11 GLIC hendaklah memastikan bahawa dasar dan prosedur bagi proses pengurusan pelaburan mereka termasuk mengenal pasti risiko kemampuan yang berkaitan dan material yang boleh menjejaskan penilaian dan/atau pulangan portfolio pelaburan dalam semua kelas aset, yang merupakan bahagian penting analisis pelaburan dan membuat keputusan mengenai sesuatu pelaburan.
- 3.12 GLIC hendaklah membangunkan mekanisme pemantauan untuk memastikan pengawasan berterusan dan mengukur potensi impak pendedahan risiko kemampuan syarikat penerima pelaburan kepada keseluruhan portfolio pelaburan mereka.

**Panduan:**

- a) Saringan awal peluang pelaburan boleh memberi penilaian peringkat awal mengenai bagaimana ia sejajar dengan objektif pelaburan mampan GLIC.
- b) Mekanisme pemantauan yang dicadangkan boleh merangkumi, sekiranya wajar, menyatakan kuantiti kesan fizikal dan risiko peralihan syarikat penerima pelaburan, menurut pengagihan geografi, kelas aset dan pengagihan sektor, kepada portfolio pelaburan, dengan mengambil kira profil risiko portfolio.

- 3.13 Sekiranya pertimbangan kemampanan disepadukan ke dalam peruntukan aset dan pemilihan pelaburan, GLIC digalakkan untuk memasukkan prestasi atau impak kemampanan, sebagai tambahan kepada prestasi kewangan eksplisit dalam proses pelaburan.

**Panduan:**

- a) GLIC boleh merujuk kepada rangka kerja berkaitan yang boleh dilaksanakan (cth. sasaran yang dikaitkan dengan sains iklim atau taksonomi, dan skop tindakan yang terhasil untuk mengelakkan pelanggaran had), apabila menentukan prestasi atau kesan kemampanan mereka, yang mungkin berbeza mengikut jangka masa pelaburan.

- 3.14 GLIC digalakkan untuk menyusun senarai semak untuk menyaring risiko kemampanan peringkat tinggi sebelum memulakan penilaian wajar terperinci, atau semasa proses penilaian wajar.

**Panduan:**

- a) Kandungan senarai semak tersebut bergantung pada strategi GLIC dan jenis perniagaan syarikat penerima pelaburan, serta pemeriksaan meluas di peringkat tinggi yang berkaitan dengan peluang dan risiko kemampanan sektor dan/atau berkaitan geografi.
- b) GLIC digalakkan untuk menyemak senarai ini secara berkala bagi memasukkan perkembangan atau pemahaman baharu yang berkemungkinan mempengaruhi komposisi mereka secara signifikan.
- c) GLIC boleh mempertimbang untuk mengecualikan industri dan aktiviti kontroversial (contohnya bom berangkai, tembakau, permainan atau alkohol) atau mengikuti garis panduan negara dan antarabangsa yang berkaitan dengan pengecualian negara, sejajar dengan dasar kerajaan Malaysia.

**Contoh: *National Investment and Infrastructure Fund (NIIF), India***

NIIF ialah sebuah pengurus dana yang melabur dalam infrastruktur dan sektor berkaitan di India, sebuah institusi yang disokong oleh Kerajaan India. NIIF

merupakan platform pelaburan kolaboratif bagi pelabur antarabangsa dan India dengan mandat untuk melabur modal ekuiti dalam infrastruktur domestik.

**Ekstrak dari laman web NIIF**

Setiap projek/pelaburan NIIF secara mandatori berpandukan Prinsip dan Dasar Pengurusan Alam Sekitar dan Sosial (E&S), yang merangkumi saringan ke atas risiko dan impak material E&S, penilaian wajar E&S, dan dipantau secara berkala agar item dan kovenan E&S dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Baca lebih lanjut mengenai pendekatan pengurusan dan dasar E&S NIIF [di sini](#).

**Pengetahuan, sumber dan pembangunan keupayaan**

- 3.15 GLIC hendaklah memastikan kakitangan yang berkaitan menerima latihan yang sesuai dan dilengkapi set kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka menyepadukan pertimbangan kemampanan ke dalam proses pelaburan, serta melaksanakan inisiatif kemampanan organisasi yang berkaitan.

Contoh: ***Temasek Holdings Limited (Temasek), Singapura***

**Ekstrak dari laman web Temasek**

Untuk memperhebat penyepaduan ESG dan iklim dan menyokong pasukan pelaburan, pasukan ESG Temasek memperluas dan menaik taraf pilihan peralatan dan latihan yang disediakan untuk organisasi dengan kerap. Tindakan menghubungkan isu perniagaan dengan isu iklim dan mempamerkan kaitan material risiko dan peluang tersebut membantu para profesional pelaburan memahami dari segi konteks sifat memandang ke hadapan perspektif tersebut, sambil menghubungkan mereka dengan kerja pelaburan harian secara bermakna.

Baca lebih lanjut mengenai pendekatan Temasek dalam menguruskan kemampanan [di sini](#).

- 3.16 GLIC hendaklah menyokong pembangunan peralatan, metrik, dan analisis yang berkaitan dengan kemampanan, serta menyokong dan/atau mengambil bahagian secara aktif dalam rangkaian dan platform maklumat untuk berkongsi peralatan, menghimpunkan sumber, dan menggunakan pelaporan pelabur sebagai sumber pembelajaran.

**Panduan:**

- a) GLIC digalakkan untuk mengambil bahagian dalam platform pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan yang berkaitan berhubung dengan industri kewangan atau sektor korporat, seperti yang dianjurkan oleh Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC), Pasaran Modal Malaysia (CMM), Platform Pelaburan Mampan (SIP) dan lain-lain.

**Contoh 1: Platform Pelaburan Mampan (SIP), Malaysia**

**Ekstrak dari laman mikro SIP**

SIP ditubuhkan secara bersama oleh IIC dan CMM pada April 2021, untuk menyokong pelabur institusi dan industri pengurusan dana dalam membangunkan strategi pelaburan mampan dan bertanggungjawab yang menjajarkan pulangan kewangan dengan keutamaan ESG yang lebih luas. Ia menawarkan platform umum untuk menonjolkan impak dan kebolehlihatan pelabur mampan, di samping memupuk keupayaan pihak berkepentingan untuk pengumpulan data yang akan menyokong inovasi dalam strategi pelaburan mampan.

Baca lebih lanjut mengenai penerbitan dan peristiwa SIP [di sini](#) dan [di sini](#).

**Contoh 2: Government Superannuation Fund Authority (GSF), New Zealand**

Pihak Berkuasa GSF adalah Entiti Kerajaan New Zealand berautonomi, yang ditubuhkan pada Oktober 2001. Fungsinya adalah untuk mengurus dan mentadbir Dana Persaraan Kerajaan.

Ia bekerjasama dengan institusi kewangan Kerajaan yang lain di New Zealand, dengan berkongsi sumber dan bekerjasama dalam inisiatif berkaitan kemampanan.

**Ekstrak daripada Peranan dan Tindakan GSF mengenai Perubahan Iklim**

**Partnering with Others**

We also leverage off the larger resources and investment influence of our fellow Crown financial institutions, the NZ Super Fund and the Accident Compensation Commission. The Authority shares research resources and collaborates with them where we can usefully do so. All three of us are members of the Principles for Responsible Investment (PRI).

We partner with them by:

- Meeting regularly to share information on best practice. This allows us, for example, to benefit from the NZ Super Fund’s membership of the Investor Group on Climate Change<sup>1</sup>, the Responsible Investment Association Australasia<sup>2</sup>, the Carbon Disclosure Project<sup>3</sup>, the Transition Pathway Initiative<sup>4</sup> and the One Planet Sovereign Wealth Fund Framework<sup>5</sup>.
- Being members of the Principles for Responsible Investment (PRI)<sup>6</sup>.
- Using an independent third party, BMO Global Asset Management<sup>7</sup>, to advise us on global environmental, social and governance issues and engage with companies on our joint behalf; and
- jointly investigating participation in global initiatives, such as those that seek to promote disclosure of emissions by companies.

**Reporting**

Finally, we have committed to reporting regularly on progress by making ongoing and regular disclosures on our website and in our annual reports, by aligning disclosure of our climate-related exposures and actions with the requirements of the Taskforce on Climate-Related Financial Disclosures<sup>8</sup> and the Authority Board monitors progress on the suite of climate change work through its regular meetings.

Baca lebih lanjut mengenai peranan dan tindakan GSF terhadap perubahan iklim [di sini](#).



## **4.0 Hak dan Tanggungjawab Pelabur**

**GLIC akan menjadi pengawas yang aktif dan menerapkan pertimbangan kemampuan ke dalam dasar dan amalan pemilikan.**

Prinsip ini bertujuan untuk memberi panduan kepada GLIC agar menjadi pemilik yang aktif. Prinsip ini telah diguna pakai daripada panduan pengawasan pelabur yang digariskan dalam MCII agar lebih sejajar dengan pelaburan mampan bagi GLIC. Ini termasuk melaksanakan hak dan tanggungjawab yang diperuntukkan melalui pemilikan, dan pada masa yang sama disejajarkan dengan kepentingan negara yang lebih meluas, dengan sumber yang digunakan untuk mencapai objektif GLIC secara yang paling berkesan.

Dengan memainkan peranan sebagai pengawas yang aktif, GLIC akan dapat melindungi dan meningkatkan nilai jangka panjang dan pulangan terlaras risiko mereka. Tambahan pula, dalam tempoh jangka panjang, pengawasan yang berkesan akan mempengaruhi dan membantu syarikat penerima pelaburan dalam menyampaikan prestasi yang diinginkan. Ini selaras dengan kewajipan fidusiari GLIC untuk memaksimumkan pulangan kepada pihak berkepentingan.

GLIC boleh mempamerkan pengawasan yang berkesan melalui ketelusan mengenai libat urus dan aktiviti pengundian dan pemantauan. MCII telah meningkatkan penekanan terhadap penzahiran dan ketelusan dalam libat urus dan pengundian, dengan tujuan untuk melindungi dan meningkatkan nilai pelaburan jangka panjang, yang turut diketengahkan dalam PGG.

## **Melaksanakan hak dan tanggungjawab**

- 4.1 GLIC hendaklah membangunkan dan mengekalkan dasar dan amalan pengawasan dan libat urus mereka mengenai pertimbangan dan isu-isu kemampuan.

### **Panduan:**

- a) Dasar dan amalan pengawasan hendaklah merangkumi bidang yang berkaitan dengan organisasi, termasuk penetapan jangkaan bagi EFM yang bertindak bagi pihak GLIC.

Sebagai alternatif, GLIC boleh mempertimbangkan sama ada untuk bergantung pada dasar libat urus penyedia perkhidmatan, menurut kesesuaian, sekiranya terdapat kekangan dari segi keupayaan dan sumber.

- b) GLIC hendaklah melaksanakan hak dan tanggungjawab pemilikan mereka dengan aktif dalam aset kelas sekiranya wujud kemampuan untuk melakukannya, dan menzahirkan penyimpangan dalam pendekatan merentas setiap kelas aset atau kedudukan geografi.

Keperluan-keperluan ini boleh dipenuhi dan hendaklah sejajar dengan panduan yang digariskan dalam Prinsip 1 MCII yang menyatakan bahawa pelabur institusi "hendaklah menzahirkan dasar-dasar mengenai tanggungjawab pengawasan mereka dan menyemak keberkesanan aktiviti pengawasan mereka".

### **Contoh 1: *Public Sector Pension Investment Board (PSP Investments), Kanada***

PSP Investments ialah sebuah badan milik Kerajaan Kanada yang menguruskan antara lain, aset perkhidmatan awam persekutuan dan Angkatan Tentera Kanada. PSP Investments telah menzahirkan aktiviti pengawasannya dalam Laporan Pelaburan Bertanggungjawabnya.

PSP Investments telah memasukkan beberapa kajian kes ke atas syarikat penerima pelaburannya dan kejayaan aktiviti pengawasan PSP Investments dalam meningkatkan amalan perniagaan syarikat tersebut. PSP Investments seterusnya menyatakan kemajuan libat urus organisasinya termasuk bidang tumpuan libat urus tersebut.

Baca lebih lanjut mengenai aktiviti pengawasan PSP Investments [di sini](#).

### **Contoh 2: *Ireland Strategic Investment Fund (ISIF), Republik Ireland***

Diurus dan dikawal oleh National Treasury Management Agency (NTMA), ISIF ialah dana pembangunan negara yang diberi mandat untuk melabur secara komersial bagi menyokong aktiviti ekonomi dan pekerjaan di Ireland.

ISIF menjalankan pemilikan aktif bagi pelaburannya di Ireland, manakala aktiviti libat urus bagi portfolio globalnya dilaksanakan oleh sebuah penyedia perkhidmatan pengawasan.

### **Ekstrak daripada laman web ISIF**

Pemilikan atau pengawasan aktif melibatkan pelabur menggunakan hak formal mereka (cth. keupayaan untuk mengundi pegangan saham) dan pengaruh tidak formal (cth. keupayaan mereka untuk melibatkan diri) untuk menggalakkan syarikat meningkatkan sistem pengurusan, prestasi ESG atau pelaporannya. Pendekatan ini telah menjadi unsur utama Strategi Kemampanan dan Pelaburan Bertanggungjawab ISIF selama beberapa tahun. EOS di Federated Hermes menyediakan perkhidmatan Pemilikan Aktif bagi Portfolio Global. Pasukan ISIF menjalankan libat urus dan analisis berkenaan dengan Portfolio pelaburan di Ireland.

Baca lebih lanjut mengenai pendekatan pelaburan bertanggungjawab ISIF [di sini](#).

## **Pemantauan dan libat urus**

- 4.2 GLIC hendaklah mewujudkan dan mengekalkan proses bagi pemantauan, termasuk pengundian syarikat penerima pelaburan mereka berkenaan pertimbangan atau isu kemampanan.

### **Panduan:**

- a) GLIC hendaklah secara berterusan menyemak aktiviti pengawasan mereka dan memaklumkan kepada pihak berkepentingan mengenai kemajuan atau perubahan dalam pelaburan atau perkembangan berkaitan syarikat penerima pelaburan.
- b) Beberapa mekanisme penjejak dan pelaporan dalaman untuk menyemak kecukupan aktiviti pengawasan termasuk:
  - i) Penilaian prestasi dan risiko kemampanan;
  - ii) Penilaian terhadap keluasan liputan maklumat dan penzahiran kemampanan;
  - iii) Pengukuran hasil kemampanan;

Pengukuran atau pendekatan berasaskan sasaran termasuk sasaran yang dikaitkan dengan sains iklim, SDG, TCFD dan taksonomi yang berkaitan dengan sebahagian atau keseluruhan aktiviti kewangan mampan.

- iv) Pengukuran kemajuan terhadap objektif dan had ambang perluasan makluman;
- v) Semakan terhadap peruntukan sumber; dan
- vi) Pengurusan risiko dan peluang kemampanan utama.

Keperluan-keperluan ini boleh dipenuhi dan hendaklah sejajar dengan Panduan yang digariskan dalam Prinsip 2 MCII, yang menyatakan bahawa pelabur institusi "hendaklah memantau syarikat-syarikat penerima pelaburan mereka".

- 4.3 GLIC hendaklah mewujudkan dan mengekalkan proses libat urus bersama syarikat penerima pelaburan mereka, termasuk libat urus secara individu atau kolaboratif bersama institusi lain, dan sebagai tindak balas terhadap isu berkaitan kemampanan.

**Panduan:**

- a) Isu kemampanan boleh merangkumi semakan terhadap topik-topik kemampanan dan keberkaitannya dengan GLIC atau jenis pelaburan, saiz pegangan dan tahap isu tersebut, serta isu-isu praktikal yang boleh memberi kesan kepada kaedah libat urus, termasuk sumber, lokasi pelabur/pelaburan dan respons kepada pemegang kepentingan.
- b) GLIC digalakkan untuk merumus set jangkaan dan/atau keperluan berhubung dengan isu dan sektor yang berkaitan dengan dasar, strategi dan pendekatan pelaburan mampan mereka.

Rujuk **Lampiran 2** dan **Lampiran 3** bagi Panduan mengenai isu terpilih dan jangkaan kemampanan khusus sektor, yang boleh dirujuk oleh GLIC dalam pelibatan mereka dengan syarikat penerima pelaburan.

**Contoh 1: Future Fund (FF), Australia**

FF dipandu oleh Pernyataan Dasar Pelaburan dalam pelaksanaan fungsi pelaburannya, yang merangkumi aktiviti libat urus bersama syarikat penerima pelaburan.

**Ekstrak daripada *Pernyataan Dasar Pelaburan FF***

*Engagement with investee entities*

- 12.16 The Board recognises the value of focussed dialogue with company management, board and relevant fiduciaries to establish a climate of long-term asset stewardship, with active oversight from investors and accountability of management to the provider of capital. Company engagement also complements our voting activities to improve analysis and the signalling power of the votes cast.
- 12.17 We leverage the engagement activities conducted by our investment managers in making our voting decisions. These managers are the front line of engagement, given their in-depth company knowledge and contacts.
- 12.18 We also engage directly with key investee entities on pertinent ESG issues where this may promote better practice and yield long term value creation. This direct engagement is conducted mainly with Australian domiciled companies, given the size and influence of our investments in our local market and practical considerations.
- 12.19 We partner with our investment managers to coordinate engagement activities with investee entities to ensure that a consistent and mutually reinforcing approach is communicated.

Baca lebih lanjut mengenai Pernyataan Dasar Pelaburan FF [di sini](#).

**Contoh 2: *Norges Bank Investment Management (NBIM), Norway***

NBIM yang menguruskan Dana Persaraan Global Kerajaan Norway, sering dirujuk sebagai dana minyak Norway, bagi memastikan pengurusan bertanggungjawab dan jangka panjang hasil sumber minyak dan gas Norway, agar kekayaan ini memanfaatkan generasi Norway sedia ada dan yang akan datang.

NBIM menggariskan jangkaannya terhadap syarikat-syarikat dalam satu set dokumen jangkaan, yang merangkumi:

- [Hak kanak-kanak](#)
- [Perubahan iklim](#)
- [Pengurusan sisa](#)
- [Hak kemanusiaan](#)
- [Cukai dan ketelusan](#)
- [Pencegahan rasuah](#)
- [Kelestarian lautan](#)
- [Biodiversiti dan ekosistem](#)

**Ekstrak daripada laman web NBIM**

Berdasarkan rangka kerja piawaian yang dipersetujui di peringkat atarabangsa ini, kami menetapkan keutamaan kami berpandukan mandat dan ciri-ciri kami sebagai sebuah dana. Kami merumus jangkaan terhadap syarikat-syarikat, garis panduan bagi pengundian dan kedudukan kami berhubung isu-isu tadbir urus. Dokumen awam ini memaklumkan keutamaan kami kepada pasaran yang lebih luas dan memastikan kebolehamalan pemilikan jangka panjang kami.

Baca lebih lanjut mengenai dokumen jangkaan NBIM [di sini](#).

- 4.4 GLIC digalakkan untuk mempertimbangkan beberapa bentuk libat urus berikut, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- a) Setiap GLIC mengadakan libat urus korporat atau dialog individu secara langsung mengenai aspek kemampanan bersama syarikat penerima pelaburan. Libat urus tersebut selalunya dijalankan oleh penganalisis kemampanan atau penyelidikan dan/atau pengurus portfolio yang mengadakan dialog bersama pengurusan kanan dan/atau lembaga pengarah syarikat penerima pelaburan.
  - b) GLIC bekerjasama dan berkolaborasi dengan institusi lain dalam dialog bersama syarikat penerima pelaburan atau apabila memfailkan secara bersama cadangan pemegang saham. Proses libat urus kolaboratif boleh diformalkan kepada organisasi khusus, seperti IIC di Malaysia.

**Contoh 1: *Asian Utilities Engagement Program (AUEP)***

AUEP merupakan inisiatif yang dipacu pelabur, yang bermatlamat untuk mengadakan libat urus mengenai peralihan tenaga mampan bersama syarikat-syarikat utiliti utama yang tidak terkandung dalam senarai tumpuan Tindakan Iklim 100+.

**Ekstrak daripada laman web AUEP**

Disebabkan sektor utiliti elektrik Asia adalah kritikal kepada peralihan sifar bersih memandangkan ia menyumbang kepada hampir 23% daripada pelepasan karbon dioksida global, maka pelabur dan penyedia perkhidmatan ingin mengadakan libat urus secara kolaboratif bersama utiliti elektrik yang penting secara sistematik di Asia untuk meningkatkan keberkesanan libat urus iklim dengan agenda yang sama.

Syarikat tumpuan semasa AUEP termasuk:

- China Resources Power Holdings
- CLP Holdings
- Chubu Electric Power Co
- J-POWER
- Tenaga Nasional Berhad

Baca lebih lanjut mengenai AUEP [di sini](#).

**Contoh 2: *Ontario Teachers' Pension Plan (OTPP), Kanada***

**Ekstrak daripada laman web OTPP**

OTPP melabur dan mentadbir pencen guru yang masih aktif dan sudah bersara dan merupakan salah satu pengurus pencen awam terbesar di Kanada. Ketua Pegawai Eksekutif OTPP Jo Taylor dan ketua pegawai eksekutif tujuh pengurus pelaburan pelan pencen Kanada yang besar [telah mengeluarkan kenyataan pada November 2020](#) yang menyatakan komitmen bersama mereka terhadap pertumbuhan mampan dan inklusif. Lapan dana pencen tersebut, yang mewakili kira-kira \$1.6 trilion dalam AUM, menyatakan bahawa adalah penting bagi syarikat-syarikat untuk melaporkan data ESG yang berkaitan dengan cara yang seragam.

Secara kolektif, lapan dana pencen meminta syarikat-syarikat mengukur dan menzahirkan prestasi mereka berdasarkan faktor ESG yang material, berkaitan industri dengan memanfaatkan piawaian SASB dan rangka kerja TCFD kerana "kedua-duanya berguna kepada pelabur dan bermaklumat kepada syarikat yang sedang merangka pelaporan ESG mereka."

Baca lebih lanjut mengenai pelaburan bertanggungjawab OTPP [di sini](#).

- c) GLIC mengadakan libat urus bersama penggubal undang-undang dan pembuat dasar untuk rangka kerja yang ditambah baik bagi ekonomi mampan, seperti insentif kepada projek dan inisiatif mampan.

Contoh: ***Norges Bank Investment Management (NBIM), Norway***

**Ekstrak daripada laporan pelaburan bertanggungjawab NBIM**

Dana ini bersifat global dan memiliki sebahagian kecil daripada syarikat tersenarai terbesar di dunia. Oleh itu, kami bergantung pada penyelesaian global untuk cabaran-cabaran bersama seperti perubahan iklim. Kami mengambil titik permulaan dengan berpandukan prinsip dan piawaian antarabangsa daripada PBB dan OECD, yang menyediakan rangka kerja bagi urusan kami dengan syarikat dan pihak berkepentingan lain.

Kami menyumbang kepada usaha membangunkan piawaian. Pada 2021, kami mengambil bahagian dalam 14 perundingan awam yang berkaitan dengan pelaburan bertanggungjawab dan sentiasa berhubung dengan organisasi antarabangsa, pengawal selia dan penetap piawaian yang lain. Perundingan ini melibatkan topik-topik yang penting bagi kami, seperti tadbir urus korporat yang baik, pelaporan iklim dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Kami juga mengadakan mesyuarat dengan Pasukan Petugas mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD), Yayasan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), Suruhanjaya Eropah, Pihak Berkuasa Sekuriti dan Pasaran Eropah (ESMA), Majlis Pelaporan Kewangan UK (FRC) dan penetap piawaian kebangsaan di Jerman dan Sweden.

Baca lebih lanjut mengenai Laporan Pelaburan Bertanggungjawab NBIM [di sini](#).

- d) Dan bahawa keperluan-keperluan ini hendaklah sejajar dengan Panduan yang dinyatakan dalam Prinsip 3 MCII, yang menyatakan bahawa pelabur institusi "hendaklah mengadakan libat urus bersama syarikat penerima pelaburan sekiranya wajar, dan berkolaborasi dengan pelabur lain untuk meningkatkan hasil libat urus".

- 4.5 GLIC hendaklah memformalkan rangka kerja dan proses pemakluman mengenai isu-isu yang material yang memberi kesan kepada syarikat penerima pelaburan dalam dasar libat urus.

**Panduan:**


- a) Pelbagai pendekatan pemakluman boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada, nota, surat atau mesyuarat dan lawatan operasi, perubahan dasar pengundian lembaga pengarah dan, pengeluaran resolusi pemegang saham atau pengundian terhadap pengurusan, serta penyahlaburan atau keputusan untuk menjual.
- b) GLIC hendaklah mengenal pasti langkah-langkah seterusnya bagi libat urus, termasuk perubahan kepada pendekatan libat urus dan, yang mana terpakai, penyahlaburan.
- c) GLIC hendaklah membangunkan dan mengekalkan proses berhubung cara dan masa untuk pelabur berkomunikasi dengan syarikat penerima pelaburan mengenai pertimbangan dan isu-isu kemampuan.

d) GLIC hendaklah memastikan penyedia perkhidmatan pihak ketiga mereka mempunyai dasar dan proses libat urus yang formal, berhubung aktiviti libat urus yang dijalankan bagi pihak GLIC.

**Contoh: Permodalan Nasional Berhad (PNB), Malaysia**

**Ekstrak daripada laman web PNB**

PNB ditubuhkan sebagai salah satu instrumen Dasar Ekonomi Baru (DEB) Kerajaan Malaysia. Organisasi ini merupakan salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dan telah mewujudkan satu matriks pemakluman yang menghuraikan mekanisme pendekatan bersama syarikat penerima pelaburan melalui pelbagai titik sentuh aktivisme.



Baca lebih lanjut mengenai pendekatan pengawasan PNB, termasuk rangka kerja pengawasannya [di sini](#).

Selain yang di atas, pada 22 April 2022, PNB telah mengumumkan Rangka Kerja Kemampuannya yang bermatlamat untuk mentakrif dan menerapkan sasarannya demi mencapai masa depan yang lebih mampan di tengah-tengah landskap pelaburan global yang berubah-ubah. Butiran mengenai rangka kerja kemampuan tersebut boleh di dapati [di sini](#).

**Kod etika dan dasar pengundian**

4.6 GLIC hendaklah membangunkan dan menzahirkan kepada awam kod etika dan dasar integriti mereka yang berkaitan dengan pengurusan konflik kepentingan.

Keperluan ini boleh dipenuhi dan hendaklah sejajar dengan:

a) perenggan 1.12 dan 1.13 PGG, yang berkaitan dengan "Kod Tatalaku dan Etika";



- b) Panduan yang dinyatakan dalam Prinsip 4 MCII, yang menyatakan bahawa pelabur institusi “hendaklah menerima pakai dasar yang berkesan dalam menangani konflik kepentingan yang hendaklah dizahirkan kepada awam”; dan
- c) Konvensyen PBB Mengenai Pencegahan Rasuah.

4.7 GLIC hendaklah membangunkan dan menzahirkan dasar atau garis panduan pengundian mereka, mengenai pertimbangan atau isu-isu kemampuan.

**Panduan:**

- a) Dasar tersebut hendaklah diguna pakai dalam mesyuarat agung (mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa atau khas) syarikat penerima pelaburan, merangkumi dasar dan pendirian syarikat ke atas bidang-bidang yang menjadi perhatian (cth. umur persaraan lembaga pengarah, dasar iklim, piawaian imbuhan, sasaran kepelbagaian), atau bertindak atas nasihat penyedia perkhidmatan luar atau khusus, menggabungkan jangkaan kemampuan GLIC.
- b) GLIC digalakkan untuk memasukkan koleksi data dan penzahiran aktiviti pengundian, hasrat untuk mengundi, perbezaan dalam portfolio yang diasingkan atau mandat berasingan, dan keadaan yang membolehkan GLIC mengetepikan dasar tersebut, berhubung dengan dasar pengundian mereka.
- c) Dasar tersebut hendaklah merangkumi cara pengundian menyokong objektif kemampuan, sebagai sebahagian daripada strategi dan pendekatan pelaburan mampan GLIC.
- d) Dasar tersebut hendaklah merangkumi pengundian proksi, termasuk pihak ketiga yang dinamakan (cth. wakil korporat) yang telah diberikan arahan dan sedang menjalankan aktiviti pengundian bagi pihak GLIC.
  - i) Proksi atau wakil korporat yang dilantik berhak mengundi bagi pihak GLIC, kerana GLIC boleh membuat pengundian, jika ia adalah ahli syarikat penerima pelaburan.
  - ii) Pengundian yang dilakukan oleh proksi hendaklah dijalankan secara termaklum, berdasarkan maklumat berkaitan yang dibentangkan dan dibincangkan semasa mesyuarat agung.

Keperluan-keperluan ini boleh dipenuhi dan hendaklah sejajar dengan Panduan yang dinyatakan dalam Prinsip 6 MCII yang menyatakan bahawa pelabur institusi “hendaklah menzahirkan kepada awam dasar tadbir urus dan garis panduan pengundiannya”.

**Contoh 1: *Future Fund (FF), Australia***

FF memperakui kepentingan mengurus konflik kepentingan, serta penzahiran dasar dan aktiviti pengundian dalam Pernyataan Dasar Pelaburan.

**Ekstrak daripada *Pernyataan Dasar Pelaburan FF***

12.14 The Board is governed by the Future Fund Act 2006. In particular, Division 8 of the Act outlines specific requirements to prevent conflicts of interest in Board decision making. The Agency is also governed by the Act, as well as the Public Governance, Performance and Accountability Act 2013. In addition to these legislative requirements, the Board has established rules for considering and opining on proxy voting decisions in line with applicable governance standards.

12.15 The Board will disclose, in its annual report, the extent to which it exercised its ownership rights and, in broad terms, the nature of its voting.


Baca lebih lanjut mengenai Pernyataan Dasar Pelaburan FF [di sini](#).

**Contoh 2: *National Pension Service (NPS), Republik Korea***

NPS melaksanakan hak pengundian untuk kebaikan peserta dan benefisiari pensen, menurut Garis Panduan Pelaburan Bertanggungjawab & Tadbir Urus, yang mentakrifkan piawaian, prosedur dan amalan dalam pengundian, di samping merujuk kepada nasihat pakar luar untuk melaksanakan hak pengundian secara yang lebih profesional dan dengan penuh kepercayaan.

**Ekstrak daripada *Laporan Tahunan 2020 NPS***

**Proxy Voting Procedures**



Baca lebih lanjut mengenai pendekatan pelaburan bertanggungjawab NPS [di sini](#).

**Hubungan Pihak Berkepentingan**

4.8 GLIC hendaklah mengenal pasti pihak berkepentingan yang berkaitan dalam pendekatan pelaburan mampan mereka dan menyediakan dasar yang berkaitan mengenai komitmen dan amalan kemampanan.

Keperluan-keperluan ini boleh dipenuhi dan hendaklah sejajar dengan Panduan yang dinyatakan dalam MCII, yang menghendaki penandatanganan memasukkan pertimbangan tadbir urus korporat dan kemampanan ke dalam proses membuat keputusan pelaburan dan hasrat untuk memberi pulangan yang mampan demi "kepentingan jangka panjang para benefisiari atau pelanggan mereka".

**Panduan:**

Dasar-dasar ini hendaklah merangkumi isu-isu dan bidang kemampanan, seperti sasaran dan dasar kepelbagaian, serta hal-hal persekitaran dan sosial yang utama, yang dinyatakan dalam Prinsip 5 MCII.

- 4.9 GLIC hendaklah membangunkan dan mengekalkan proses komunikasi bersama pihak berkepentingan yang berkaitan bagi memastikan bahawa mereka, sekiranya wajar, terlibat dalam pengenalpastian dan pengurusan isu-isu kemampanan yang berkaitan dengan proses pelaburan dan libat urus.

**Panduan:**

Ini hendaklah termasuk proses yang sesuai yang memudahcarakan pengumpulan dan pemantauan maklum balas daripada pihak berkepentingan berkaitan yang merangkumi permohonan untuk mendapatkan komen atau input mengenai isu-isu kemampanan tertentu sehinggalah menubuhkan jawatankuasa perundingan dan/atau penasihat yang khusus.

**Contoh: *New Zealand Superannuation Fund (NZSF), New Zealand***

NZSF merupakan dana kekayaan negara di New Zealand. Rangka Kerja Pelaburan Bertanggungjawab NZSF membimbing semua pembuatan keputusan dan aktiviti pelaburan bertanggungjawab organisasi.

NZSF menjalankan semakan terhadap strategi pelaburan bertanggungjawabnya untuk terus mengembangkan pendekatan dan pemikiran, serta mengenal pasti langkah yang seterusnya.

**Ekstrak daripada *Laporan Tahunan 2021 NZSF***

Semakan telah ditetapkan dalam konteks obligasi berkanun di bawah perundangan pentadbiran kami, dan mempertimbangkan setiap daripada tiga keperluan yang terkandung dalam mandat kami. Penyelidikan dan pemerhatian yang dibentangkan dalam tiga bidang kerja yang berasingan bertumpu kepada jangkaan pihak berkepentingan dan trend yang muncul, meningkatkan prestasi persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG), dan pelaburan yang positif.

Pada 2019, kami telah menjalankan satu proses kaji selidik formal dalam kalangan pihak berkepentingan dalaman dan luaran kami bagi memahami topik-topik yang penting kepada permodalan kami. Sejalan dengan Piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI), kami berhasrat menilai impak ekonomi, persekitaran dan sosial Guardians, serta isu-isu dan risiko yang dianggap penting oleh pihak berkepentingan dalam penilaian mereka terhadap kami.

Pada tahun ini, kami telah menjalankan analisis kematangan ringkas untuk mengkaji aspek-aspek organisasi kami yang meningkat atau berkurangan kepentingannya sepanjang tahun kewangan yang lalu.

Pada awal tahun ini, kami telah melantik GRC Partners untuk menjalankan kaji selidik ke atas pihak berkepentingan daripada segi aspek organisasi yang meluas untuk mengenal pasti jangkaan pihak berkepentingan utama yang berkaitan dengan keutamaan sosial kami untuk beroperasi, terutamanya berhubung dengan aspek-aspek ESG. Pandangan ini, termasuk implikasi dan jangkaan respons kami, telah dipertimbangkan dalam konteks semakan terhadap strategi pelaburan bertanggungjawab kami yang lebih meluas yang kami laksanakan sepanjang tahun kewangan berkenaan.

Baca lebih lanjut mengenai semakan dan proses strategi pelaburan bertanggungjawab NZSF [di sini](#).

- 4.10 GLIC hendaklah memainkan peranan aktif dan kolaboratif untuk berkongsi kepakaran dalam inisiatif yang menyokong pelaksanaan pelaburan mampan dan pembangunan dasar-dasar atau perundangan yang berkaitan.

**Panduan:**

- a) GLIC digalakkan untuk menetapkan peranan atau tanggungjawab untuk libat urus bersama pembuat dasar berhubung hal-hal pelaburan mampan di bawah rangka kerja tadbir urus pelaburan mampan masing-masing.
- b) GLIC digalakkan untuk mempertimbangkan penjajaran dasar pengundian dalam bidang umum yang menjadi perhatian, serta pengundian yang diselaraskan ketika mesyuarat agung, atau mewujudkan satu set garis panduan pengundian yang diseragamkan, untuk diterima dan digunakan oleh semua GLIC.

Satu contoh ialah bahagian "Sorotan Pengawasan (*Stewardship Spotlight*)" dalam MCII, yang menggariskan jangkaan institusi pelabur terhadap syarikat penerima pelaburan berhubung perkara-perkara tadbir urus korporat utama dan kemampuan, di samping tindakan yang disyorkan dan/atau keputusan pengundian.

Keperluan-keperluan ini boleh dipenuhi dan hendaklah sejajar dengan Panduan yang dinyatakan dalam Prinsip 7 MCII yang menyatakan bahawa pelabur institusi "hendaklah bekerjasama, sekiranya wajar, untuk bertindak balas terhadap kebimbangan atau risiko tadbir urus korporat dan kemampuan. Suara dan pandangan kolektif institusi pelabur

adalah faktor penting dalam membentuk tingkah laku dan menggalakkan tadbir urus korporat yang baik, khususnya mengenai isu-isu baharu muncul seperti pelaporan dan pelaburan kemampanan”.

Contoh: *Temasek Holdings Limited (Temasek), Singapura*

### **Ekstrak daripada laman web Temasek**

Temasek berusaha untuk mengenal pasti isu-isu berkaitan kemampanan yang relevan di seluruh portfolio, tanpa mengira industri mahupun geografi. Mengenai isu-isu peringkat portfolio tersebut, ia mengambil langkah untuk berkongsi pandangan mengenai trend, amalan terbaik dan peluang, atau menyatakan jangkaannya melalui libat urus bersama syarikat penerima pelaburannya.

Temasek percaya dialog dan pertukaran maklumat, amalan terbaik dan idea yang mantap antara pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta adalah pemboleh daya kritikal bagi pertumbuhan yang mampan justeru telah memulakan dialog dan menggalakkan penyelesaian inovatif untuk membina dunia ekonomi yang aktif, masyarakat yang sihat dan Bumi yang bersih, demi kebaikan bersama.

Dalam bidang ESG dan kewangan mampan, Temasek mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat tempatan dan antarabangsa mengenai takrifan, keutamaan, piawaian dan amalan terbaik. Ia mengambil bahagian secara aktif, dengan sokongan Tabung Kewangan Antarabangsa, untuk membangunkan amalan terbaik bagi pelaburan yang bertanggungjawab di bawah Prinsip Santiago untuk pelaburan negara, dan telah melebihi piawaian penzahiran dan garis panduan lain yang diguna pakai di bawah Prinsip Santiago.

Temasek turut bekerjasama dengan pelabur dan syarikat lain untuk menggalakkan tumpuan jangka lebih panjang dalam membuat keputusan perniagaan dan pelaburan, dengan mengambil bahagian dalam pembangunan instrumen dan pendekatan yang praktikal untuk menyokong tingkah laku dalam jangka panjang di sepanjang rangkaian nilai pelaburan. Ia kerap membincangkan isu-isu kemampanan bersama pihak berkepentingan dan rakan kongsinya, melalui pelbagai sesi libat urus bersama syarikat-syarikat dalam portfolionya, termasuk persidangan tahunan Ecosperity dan sidang meja bulat portfolio yang kerap.

Baca lebih lanjut mengenai pendekatan libat urus Temasek [di sini](#) dan persidangan Ecosperity [di sini](#).

## **5.0 Penzahiran dan Ketelusan**

**GLIC akan menzahirkan dasar, garis panduan dan aktiviti pelaburan mampan mereka berhubung SIS.**

Prinsip ini bermatlamat untuk menyediakan Panduan mengenai penzahiran yang berkaitan dengan pelaburan mampan bagi menggalakkan ketelusan maklumat. Sama seperti pentingnya syarikat penerima pelaburan dan entiti lain yang berkaitan untuk melaporkan pengurusan isu-isu kemampanan dalam operasi mereka, ketelusan di sepanjang rantai pelaburan adalah penting, maka sebab itulah GLIC hendaklah memantau dan melaporkan aktiviti pelaburan mampan mereka. Oleh yang demikian, GLIC dikehendaki membuat penzahiran untuk menunjukkan cara pertimbangan kemampanan disepadukan ke dalam proses pelaburan dan membuat keputusan mereka, dengan mengambil kira konteks rangka kerja, amalan dan pendekatan pelaburan mampan mereka, serta menjajarkannya dengan kepentingan dan jangkaan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Keperluan penzahiran dirumus berdasarkan cadangan industri dan amalan terbaik dan garis panduan antarabangsa, seperti TCFD (termasuk Panduan Pemakaian TCFD bagi Institusi Kewangan Malaysia oleh Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim), Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa (ISSB), Inisiatif Pelaporan Global (GRI), Lembaga Piawaian Perakaunan Kemampanan (SASB), merangkumi topik-topik kemampanan yang lebih meluas berbanding pengurusan pelaburan.

Namun begitu, GLIC digalakkan untuk merujuk kepada pelbagai rangka kerja penzahiran dan piawaian diterima umum yang tersedia, termasuklah Panduan Pelaporan Kemampanan Bursa Malaysia, yang boleh digunakan secara gabungan untuk menunjukkan cara GLIC memenuhi keperluan SIS. SIS mengiktiraf usaha ke arah memastikan rangka kerja pelaporan kemampanan yang sama, diseragamkan dan diselaraskan sedang dijalankan di peringkat global, justeru GLIC diberi kelonggaran dan pilihan mengenai penjajaran dari segi pendekatan dan amalan dengan rangka kerja, sasaran dan kod-kod kemampanan, seperti TCFD, GRI, SASB, serta yang digariskan dalam MCII dan amalan terbaik yang lain dan keperluan penzahiran di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa.

## **Penzahiran maklumat berkaitan pelaburan mampan**

- 5.1 GLIC hendaklah menyediakan dan mengeluarkan maklumat berkaitan pelaburan mampan mereka, yang merangkumi butiran kemampanan dan Panduan yang berkaitan dengan strategi dan portfolio pelaburan mereka, yang dikeluarkan secara berkala dan serentak dengan pengeluaran laporan tahunan.

### **Panduan:**

- a) Ini boleh dalam bentuk laporan pelaburan mampan yang khusus dan berasingan atau dimasukkan dalam laporan tahunan dan/atau laporan bersepadu GLIC masing-masing.
- b) GLIC hendaklah menyediakan maklumat berkaitan dengan pelaburan mampan yang mencukupi kepada pihak berkepentingan, selaras dengan keperluan dalam piawaian.
- c) GLIC hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk menerbitkan laporan pelaburan mampan mereka dan/atau laporan portfolio mereka yang berkaitan dengan isu-isu kemampanan, dengan cara yang memudahkan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mencari dan mengakses, termasuk, sekurang-kurangnya, dengan menyediakan laporan terkini yang mudah diakses, seperti di laman web utama GLIC.
- d) GLIC hendaklah menyiapkan dan menyediakan maklumat kemampanan mengenai strategi pelaburan dan portfolio kepada pihak berkepentingan yang berkaitan dalam tempoh masa yang munasabah, apabila permintaan untuk maklumat tersebut diterima.
- e) GLIC hendaklah menjelaskan dengan sewajarnya apa-apa batasan ke atas keupayaan mereka untuk melakukan penzahiran dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani batasan tersebut.

- 5.2 GLIC hendaklah menzahirkan pelaksanaan strategi pelaburan mampan kepada pihak berkepentingan secara tetap, bagi memastikan penyediaan maklumat yang telus dan tepat pada masanya, di peringkat entiti dan portfolio.

### **Panduan:**

- a) GLIC digalakkan untuk menyediakan laporan pelaburan mampan, sekurang-kurangnya pada setiap tahun yang menyediakan pandangan selanjutnya mengenai perkembangan berkaitan merentasi portfolio yang berbeza-beza.

Bagi GLIC yang telah pun mempunyai obligasi penzahiran pelaburan mampan seperti yang dikehendaki oleh badan-badan berkaitan yang dianggotai oleh GLIC tersebut, ia digalakkan untuk menyediakan laporan tersebut kepada pihak awam.

- b) GLIC hendaklah menzahirkan impak pelaburan mereka yang diketahui dan berpotensi ke atas masyarakat dan persekitaran, dan perbezaan yang wujud daripada pendekatan pelaburan mampan mereka.

Hal ini boleh merangkumi cara strategi atau portfolio pelaburan memenuhi objektif kemampanan dan impak keseluruhan yang berkaitan, termasuk kewangan, strategi dan portfolio dengan objektif pelaburan mampan.


- c) Laporan tersebut hendaklah menggariskan cara perkara yang berkaitan kemampanan dipertimbangkan dalam mengurus atau mentadbir pelaburan.
- d) Laporan hendaklah membincangkan cabaran dan peluang yang timbul daripada perkembangan kemampanan dan memberikan contoh-contoh syarikat yang meraih manfaat atau terjejas teruk daripada perkembangan tersebut.
- e) Laporan tersebut boleh menyediakan rangkuman hak-hak pengundian yang dilaksanakan dan hasil daripada aktiviti libat urus.

**Contoh 1: *Swiss Sustainable Finance (SSF), Switzerland***

SSF ditubuhkan pada 2014 untuk menggalakkan aspek kemampanan dalam pasaran kewangan Switzerland, dan mengukuhkan kedudukan Switzerland sebagai peneraju and pelaksana kewangan mampan. SSF mengeluarkan satu set cadangan mengenai penzahiran portfolio ESG kepada pemilik aset dan pengurus aset, yang memberi tumpuan kepada peringkat entiti dan portfolio yang perlu dizahirkan, terutamanya bagi pemilik aset dan pengurus aset yang mengurus pelbagai dana.

**Ekstrak daripada *cadangan pelaporan SSF***





Baca lebih lanjut mengenai cadangan pelaporan SSF [di sini](#).

**Contoh 2: Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Malaysia**

**Pendekatan: Menyediakan maklumat pelaburan mampan sebagai sebahagian daripada laporan bersepadu**

Khazanah memasukkan satu bahagian dalam laporan tahunannya, yang membincangkan pendekatan seluruh organisasi terhadap kemampuan, termasuk inisiatif pelaburan mampan, sasaran dan gabungan yang berkaitan ESG.

**Ekstrak daripada Laporan Khazanah 2021**

**Sustainable Investing**

Since the development of the Responsible Investment Policy in 2019, Khazanah has embarked on initiatives to deepen our understanding of ESG issues and its impact on our portfolio companies. We are committed to ensuring optimal outcomes for our companies through an equitable and responsible transition, supported and driven by continuous active shareholder engagement.

At the operational level, Khazanah has commenced integration of ESG considerations into its investment decision-making process.

Baca lebih lanjut mengenai pendekatan Khazanah terhadap pelaburan mampan [di sini](#).

**Contoh 3: *Ireland Strategic Investment Fund (ISIF), Republik Ireland***

**Pendekatan: Menzahirkan penzahiran pelaburan mampan sedia ada kepada badan yang berkaitan**

ISIF, melalui badan sebelumnya, National Pension Reserve Fund (NPRF), merupakan penandatanganan asal kepada PRI pada 2006 dan sejak itu secara berterusan menyemak, menerima pakai dan mempertingkatkan pendekatannya kepada pelaburan bertanggungjawab sebagai respons kepada perubahan mandat dan strategik.

Sebagai sebahagian daripada penerbitan pelaburan bertanggungjawabnya, ISIF menzahirkan laporan ketelusan pelaburan bertanggungjawab 2020 kepada PRI di laman webnya.

Baca lebih lanjut mengenai Laporan Ketelusan Awam PRI 2020 ISIF [di sini](#).

- 5.3 GLIC hendaklah memaklumkan pihak berkepentingan mereka mengenai prestasi kemampanan portfolio pelaburan dengan menyepadukan penunjuk atau metrik prestasi kemampanan utama, serta maklumat tambahan mengenai perkembangan yang berkaitan (cth. pertimbangan kemampanan di sebalik keputusan pelaburan) ke dalam alat komunikasi dan/atau bahan komunikasi bersama pihak berkepentingan (cth. dalam lembaran fakta dana atau melalui saluran komunikasi yang sesuai).

**Panduan:**

- a) GLIC hendaklah memastikan bahawa data boleh diakses dan peralatan yang tepat tersedia bagi membolehkan pelaporan sewajarnya mengenai prestasi kemampanan portfolio mereka dilakukan.
- b) GLIC hendaklah melapor secara telus mengenai cara kemampanan disepadukan ke dalam dana dan portfolio pelaburan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, pendekatan pelaburan mampan yang diguna pakai, skop dasar pelaburan mampan, senarai pengecualian pelaburan, metrik pelaburan mampan yang diguna pakai, hasil proses libat urus, rekod pengundian dsbnya.

**Contoh 1: *Norges Bank Investment Management (NBIM), Norway***

NBIM membincangkan aktiviti dan kemas kini aktiviti pelaburan bertanggungjawabnya setiap tahun berkaitan pasaran, portfolio dan peringkat-syarikat.

**Ekstrak daripada *Laporan Pelaburan Bertanggungjawab 2021***

Matlamat kami adalah untuk mengenal pasti peluang pelaburan jangka panjang dan mengurangkan pendedahan terhadap risiko yang tidak boleh diterima. Kami menilai cara syarikat memberi impak kepada persekitaran dan masyarakat, dan kami membuat susulan terhadap industri dan syarikat yang mempunyai risiko yang tidak

boleh diterima. Kami melihat peluang dalam syarikat yang membolehkan pelaksanaan aktiviti ekonomi yang lebih mesra alam sekitar.

**Portfolio**

We integrate environmental, social and corporate governance considerations into the management of the fund. We gather data on markets, industries and companies to gain a broader understanding of risks and opportunities in our investments. This information forms the starting point for our active ownership with individual companies.

To perform analyses of this kind, we need relevant, comparable and reliable data on environmental, social and governance topics. We collect corporate sustainability data in an internal database, assess companies' reporting, and analyse greenhouse gas emissions from companies in the portfolio.

We conducted a total of 4,196 assessments of companies' reporting in 2021. We assessed the reporting of 1,500 companies on climate change, 701 on human rights, 500 on children's rights, 500 on water management, 250

on anti-corruption, 250 on ocean sustainability, 268 on deforestation, 200 on tax and 27 on biodiversity. The companies assessed accounted for 75.8 percent of the equity portfolio's market value at the end of the year.

We contact companies we consider to have weak or limited disclosure. We wrote to 110 companies in 2021 to urge them to improve their reporting. The average improvement in performance at the companies we contacted in 2020 was 11.9 percentage points. The overall improvement from 2020 to 2021 at the companies covered by our assessments was 4.7 percentage points. The difference was greatest at companies we contacted about climate change, human rights and ocean sustainability, and least for water management and tax transparency. All in all, we saw improvements at 64.9 percent of the companies we contacted.

Baca lebih lanjut mengenai laporan tahunan dan laporan pelaburan bertanggungjawab NBIM [di sini](#).

**Contoh 2: *Government Superannuation Fund Authority (GSF), New Zealand***

GSF mempunyai senarai pengecualian pelaburan bertanggungjawab, yang merangkumi senarai syarikat yang telah diputuskan oleh GSF untuk tidak mempunyai portfolio di dalamnya, dan senarai ini disemak secara berkala.

**Ekstrak daripada *Senarai Pengecualian Pelaburan Bertanggungjawab GSF – Julai 2022***

GSF RESPONSIBLE INVESTMENT EXCLUSION LIST - July 2022	
This is a list of the companies whose securities the Government Superannuation Fund Authority has decided will not be held by the Government Superannuation Fund. This exclusions list is periodically reviewed and updated, and is provided for general information purposes only and not intended for any other purpose.	
Activity	Company
Cluster Munitions	Anhui Great Wall Military Industry Co Ltd
Cluster Munitions	Aryt Industries Ltd.
Cluster Munitions	Ashot Ashkelon Industries Ltd.
Cluster Munitions	Bharat Dynamics Ltd
Cluster Munitions	Elbit Systems Ltd
Cluster Munitions	Lig Nex1 Co., Ltd.
Cluster Munitions	Poongsan Corporation
Anti-Personnel Mines	Northrop Grumman
Anti-Personnel Mines	National Presto Industries, INC
Nuclear Explosive Devices and Nuclear Base Operators	BWX TECHNOLOGIES, INC.
Nuclear Explosive Devices and Nuclear Base Operators	CNIM Group SA
Nuclear Explosive Devices and Nuclear Base Operators	FLUOR CORPORATION
Nuclear Explosive Devices and Nuclear Base Operators	GENERAL DYNAMICS CORPORATION
Nuclear Explosive Devices and Nuclear Base Operators	HONEYWELL INTERNATIONAL INC.

Baca lebih lanjut mengenai senarai pengecualian pelaburan bertanggungjawab GSF [di sini](#).

**Contoh 3: *Korea Investment Corporation (KIC), Republik Korea***

KIC mempunyai strategi pengecualian, yang bermatlamat untuk mengecualikan syarikat-syarikat dalam industri dan tema tertentu dan mengguna pakai pengecualian

tersebut ke atas keseluruhan portfolionya, termasuk pelaburan langsung dan tidak langsung.

**Ekstrak daripada Laporan Pelaporan Mampan 2021 KIC**

Pada suku pertama 2021, KIC memperkenalkan Strategi Pengecualian KIC. Ini dikelaskan sebagai "Saringan Berasaskan Norma" menurut pengelasan strategi ESG GSIA, yang mengecualikan syarikat-syarikat yang gagal memenuhi norma-norma yang diterima di peringkat antarabangsa seperti UN Global Compact dan OECD Guidelines on Multinational Enterprises. KIC mengecualikan syarikat-syarikat dalam industri dan tema tertentu dan mengguna pakai pengecualian tersebut kepada keseluruhan portfolio kami – kepada pelaburan langsung dan tidak langsung.

Syarikat-syarikat dalam industri dan tema terpilih dikemas kini setiap suku tahun melalui pemantauan yang kerap oleh kakitangan ESG dan perbincangan Kumpulan Kerja Kemampanan. Industri dan tema sasaran dipantau setiap tahun dan dikongsikan dengan seluruh syarikat.

Baca lebih lanjut mengenai strategi pengecualian KIC [di sini](#).

- 5.4 Rangka kerja penzahiran hendaklah merangkumi setiap bidang SIS, iaitu tadbir urus dan struktur, penjajaran strategi, proses dan metodologi pelaburan, serta hak dan tanggungjawab pelabur, dengan merujuk atau menggunakan rangka kerja, panduan atau piawaian, sekiranya sesuai dengan bidang topik.

**Panduan:**

- a) GLIC hendaklah menghuraikan cara topik-topik tersebut dirangkumi melalui penzahiran ini, termasuk cara ia disejajarkan dengan keperluan dan ruang masa pihak berkepentingan.
- b) Pelaporan dan penzahiran termasuk pembentangan sasaran dan kemajuan pelaburan mampan terhadap strategi dan portfolio.
- c) Penzahiran hendaklah merangkumi dasar, rangkuman proses dan cara ia dipantau melalui pengumpulan dan pelaporan data.

- 5.5 GLIC hendaklah menyemak rangka kerja penzahiran tepat pada masanya bagi memastikan penzahiran pelaburan mampan kekal relevan dan komprehensif, dengan mengambil kira perkembangan kemampanan di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa, serta amalan terbaik dan pendekatan penzahiran kemampanan yang dicadangkan.

**Panduan:**

GLIC hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan penzahiran pelaburan mampan mereka menggambarkan pandangan dan faktor kemampanan material, yang berkaitan dengan laporan pelaburan mampan GLIC.

**Penzahiran mengenai tadbir urus dan struktur**

- 5.6 GLIC hendaklah menzahirkan rangka kerja tadbir urus pelaburan mampan mereka melalui laporan tahunan atau laman web yang boleh diakses umum.

Perenggan 1.3 MCII menghendaki pelabur institusi "menzahirkan struktur dan proses tadbir urus mengenai cara pengawasan dan aktiviti pemantauan dilaksanakan bagi memastikan aktiviti pengawasan yang berkesan dalam organisasi".

- 5.7 GLIC hendaklah mewujudkan rangka kerja penzahiran untuk memaklumkan pihak berkepentingan mereka mengenai objektif organisasi dan kemajuan pelaburan mampan GLIC.

**Panduan:**

- a) Rangka kerja penzahiran ini hendaklah menyokong pengumpulan, pemantauan dan semakan data yang relevan kepada amalan dan pendekatan pelaburan mampan GLIC.
- b) GLIC hendaklah menerbitkan rangka kerja pelaburan mampan mereka sendiri sebagai sebahagian daripada rejim penzahiran dan memastikan rangka kerja tersebut dizahirkan kepada pihak umum.
- c) Rejim penzahiran tersebut sepatutnya mengongsikan maklumat material mengenai pendekatan pelaburan mampan GLIC, termasuk rangka kerja tadbir urus pelaburan mampan, dalam pematuhan terhadap komitmen dan skop aktiviti mereka.

**Contoh 1: *Environment Agency Pension Fund (EAPF), United Kingdom***

EAPF menzahirkan Strategi Pelaburan Bertanggungjawab dan dasarnya mengenai perubahan iklim di laman webnya.

**Ekstrak daripada laman web EAPF**

### Responsible investment makes business sense.

For over 15 years now we've seen that our Fund generates strong financial returns by investing in companies that contribute to the long term sustainable success of the economy and society.

Our approach has been recognised internationally too – we've been recognised as a global leader on responsible investment by the United Nations Principles of Responsible Investment for the past 2 years running.

But with investment comes responsibility – responsibility for a wide range of environmental, social and governance issues, with none bigger and more urgent than climate change.

[Download our Responsible Investment Strategy to see our plans on responsible investment up to 2025.](#)

[Download our Policy to Address Climate Change.](#)

Baca lebih lanjut mengenai pendekatan EAPF terhadap pelaburan bertanggungjawab termasuk strategi dan dasar [di sini](#).

### Contoh 2: New Zealand Superannuation Fund (NZSF), New Zealand

NZSF merupakan dana kekayaan negara di New Zealand. Rangka Kerja Pelaburan Bertanggungjawab NZSF membimbing semua pembuatan keputusan dan aktiviti pelaburan bertanggungjawab organisasi. NZSF menzahirkan Rangka Kerja Pelaburan Bertanggungjawabnya di laman web.

NZSF juga komited terhadap penzahiran amalan terbaik dengan [mengindeks laporannya terhadap kriteria Inisiatif Pelaporan Global \(GRI\)](#).

Baca lebih lanjut mengenai laporan tahunan dan penzahiran kewangan mampan NZSF [di sini](#).

- 5.8 GLIC hendaklah menzahirkan tanggungjawab pemantauan lembaga pengarah atau jawatankuasa setara lembaga pengarah ke atas risiko dan peluang berkaitan kemampuan berhubung dengan pengurusan pelaburan mampan.

#### **Panduan:**

- a) GLIC hendaklah menzahirkan cara lembaga pengarah atau jawatankuasa setara lembaga pengarah menyediakan pemantauan terhadap perkara yang berkaitan kemampuan, untuk memaklumkan pihak berkepentingan yang berkaitan mengenai pandangan GLIC terhadap pelaburan mampan, yang boleh dihuraikan dalam terma rujukan, mandat lembaga pengarah dan rangka kerja, dasar, atau garis panduan berkaitan yang lain.
- b) GLIC hendaklah menzahirkan proses dan kekerapan lembaga pengarah atau jawatankuasa setara lembaga pengarah, seperti jawatankuasa/panel pelaburan, jawatankuasa risiko atau jawatankuasa kemampuan, dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan pelaburan mampan.

- 5.9 GLIC hendaklah menzahirkan peranan pengurusan dalam menilai dan mengurus risiko dan peluang berkaitan kemampuan berhubung dengan pengurusan pelaburan mampan.

**Panduan:**

- a) GLIC hendaklah memberi tumpuan khusus kepada penyediaan kebolehlihatan daripada segi cara strategi pelaburan menyepadukan respons terhadap risiko dan peluang. GLIC hendaklah menzahirkan cara pengurusan menilai dan mengurus hal-hal pelaburan mampan, termasuk akauntabiliti dan struktur pembuatan keputusan mengenai risiko dan peluang berkaitan pelaburan mampan, di samping tanggungjawab mereka dalam memantau dan melaporkan kemajuan terhadap matlamat dan sasaran pengurusan pelaburan mampan kepada lembaga pengarah.
- b) GLIC hendaklah menzahirkan proses dan kekerapan pengurusan dimaklumkan mengenai dan memantau isu-isu berkaitan pelaburan mampan, termasuk menyemak pengurusan risiko dan dasar berkaitan pelaburan mampan, serta mengurus hal-hal risiko dan peluang kemampanan.

**Contoh 1: *Pension Protection Fund (PPF), United Kingdom***

PPF menzahirkan gambaran keseluruhan struktur tadbir urus organisasi. Pihak pengurusan, melalui Jawatankuasa Pelaburan bertanggungjawab untuk membangunkan dan mengekalkan prinsip dan dasar pelaburan bertanggungjawab dan pengawasan dana termasuk hal-hal berkaitan iklim.

**Ekstrak daripada *Laporan Pelaburan Bertanggungjawab 2021 PPF***

Pasukan Pelaburan, yang diketuai oleh Ketua Pegawai Pelaburan, bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap rangka kerja Pelaburan Bertanggungjawab, prinsip pengawasan dan dasar-dasar yang berkaitan dalam semua kelas aset, yang diurus di peringkat dalaman dan luaran. Pasukan ESG juga merupakan sebahagian daripada Pasukan Pelaburan dan menyediakan sokongan dan kepakaran serta memantau pelaksanaan rangka kerja Pelaburan Bertanggungjawab sewajarnya. Pasukan ini juga mengadakan libat urus bersama pengurus portfolio, pengurus aset luaran dan penyedia perkhidmatan pengawasan serta memantau pelaburan bagi risiko dan peluang ESG.


Baca lebih lanjut mengenai struktur tadbir urus PPF dan pendekatannya terhadap pelaburan mampan [di sini](#).

**Contoh 2: *Ontario Teachers' Pension Plan (OTPP), Kanada***

OTPP menzahirkan tadbir urus pelaburan bertanggungjawabnya dalam Laporan Pelaburan Bertanggungjawab dan Perubahan Iklim Tahunan serta di laman webnya.

**Ekstrak daripada laman web OTPP**





## Penzahiran mengenai penajaran strategi

5.10 GLIC hendaklah menzahirkan dasar, garis panduan, rangka kerja atau seumpamanya berkaitan pelaburan mampan, yang merangkumi huraian mengenai pendekatan pelaburan mampan organisasi.

### Contoh: **Health Employees Superannuation Trust Australia (HESTA)**

HESTA adalah dana persaraan industri di Australia bagi mereka yang bekerja dalam perkhidmatan kesihatan dan masyarakat. HESTA membangunkan Dasar Pelaburan Bertanggungjawab untuk memperincikan pendekatan yang diambil oleh organisasi ke arah pelaburan bertanggungjawab dan cara ia memastikan bahawa risiko dan tanggungjawab ESG dipertimbangkan dan diuruskan secukupnya.

Komponen yang dirangkumi dalam dasar pelaburan bertanggungjawabnya termasuk:

- Tujuan dan objektif dasar
- Perundangan yang mentadbir dan keperluan kawal selia
- Peranan dan tanggungjawab termasuk Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Impak, Pejabat Pemegang Amanah dan pasukan Pelaburan
- Gambaran keseluruhan pelaburan bertanggungjawab termasuk penyepaduan Pelaburan Bertanggungjawab dalam proses pelaburan, pelaburan berimpak tinggi, pemilikan aktif, sokongan dan kepimpinan serta ketelusan dan pelaporan
- Penyepaduan pelaburan bertanggungjawab dalam proses pelaburan termasuk rangka kerja ESG dan pengecualian

Baca lebih lanjut mengenai Dasar Pelaburan Bertanggungjawab HESTA [di sini](#).



- 5.11 GLIC digalakkan untuk menzahirkan impak sebenar dan yang berpotensi mempunyai risiko dan peluang berkaitan kemampanan, ke atas prestasi, strategi dan pengoperasian pendekatan pengurusan pelaburan kerana maklumat sedemikian adalah penting.

**Panduan:**

- a) Penzahiran berkaitan strategi hendaklah mengenal pasti jenis, tahap/magnitud, skala masa pendedahan terhadap isu-isu kemampanan material, termasuk hasil/impak risiko dan peluang berkaitan kemampanan yang mungkin ada.
- b) GLIC hendaklah memberi perhatian khusus kepada penyediaan kebolehlihatan dari segi cara strategi pelaburan menyepadukan respons terhadap risiko dan peluang sedemikian.

**Contoh: *Environment Agency Pension Fund (EAPF), United Kingdom***

EAPF menzahirkan impak ke atas dananya dan impak dananya terhadap perubahan iklim.

**Ekstrak daripada *Strategi Pelaburan Bertanggungjawab 2020-2025 EAPF***

The scientific evidence is overwhelming that by the end of this century, we need to keep changes in global temperature to below 2 degrees Celsius (2°C), compared to pre-industrial levels, to avoid the worst impacts from climate change.

**“Damaging climate impacts are already being felt. Every degree matters”**

- UK Committee of Climate Change

There are 3 elements to climate change that we need to understand as a fund:

- How our investments are positioned in a warming world

We estimate from our modelling (Mercer’s Investing in a time of Climate Change) that our portfolio is relatively well positioned to benefit from the opportunities presented by a low carbon transition and withstand the financial risks from climate change. We also know that keeping to a 2°C scenario or lower, is most beneficial from a long term investor perspective, as there are likely to be less physical risks to our investments. We will continue to monitor this.

- How much our investments are contributing to the warming

We need to understand the contribution our investments are making in relation to keeping the temperature rise below 2°C. We hope that by investing significantly in sustainable and low carbon assets, our contribution will be a favourable one but we need to measure this to understand more. We will work with others to see if we can do this to inform our approach and help improve understanding more broadly across the investment community.

- How climate change may impact on our future liabilities

As a pension fund, we need to make sure we are able to pay our members’ pensions (future payments are known as our liabilities). We have started to consider with our actuaries Hymans Robertson, the impact of climate change on our liabilities. We are keen to develop this further.

### Investment Case Study


One of our investment managers is Ownership Capital who work proactively with company management teams towards achieving a more sustainable business.

One example of this is their engagement with a global industrial manufacturer of weighing equipment. The company lacked any environmental sustainability strategy, which presented urgent risks to its long term business model and cost structure. Ownership Capital worked with the company to identify the steps needed for it to become a sustainability leader.

Over the course of the investment, Ownership Capital met regularly with the company to provide feedback and monitor progress.

The company is now recognised as one of the leaders in its industry, decreasing its carbon emissions and improving its profitability.

CO<sub>2</sub> Emissions per Net Sales 2018



Baca lebih lanjut mengenai pendekatan EAPF untuk mengira impak ke atas dan impak dananya terhadap perubahan iklim [di sini](#).

- 5.12 GLIC hendaklah menzahirkan risiko dan peluang berkaitan kemampanan yang telah dikenal pasti bagi tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang, serta memasukkan pencapaian terperinci bagi menunjukkan kemajuan dan mengukur impak strategi dan portfolio pelaburan.
- 5.13 GLIC hendaklah meminta EFM menzahirkan pendekatan kemampanan yang diambil, pendedahan kepada risiko kemampanan dan cara risiko ini diurus dan ditangani sebagai sebahagian daripada pembuatan keputusan pelaburan.
- 5.14 GLIC hendaklah menggalakkan EFM menzahirkan maklumat mengenai dasar, pendekatan dan strategi kemampanan untuk menunjukkan komitmen ke arah pelaburan mampan.

### **Penzahiran mengenai proses dan metodologi pelaburan**

- 5.15 GLIC hendaklah membuat kenyataan yang memperakui risiko pelaburan mampan ke atas pulangan dan sasaran pelaburan mereka, dengan menggariskan langkah-langkah yang diambil sebagai respons kepada risiko tertentu tersebut dan seterusnya menerbitkannya dalam laporan tahunan dan/atau laman web mereka.

#### **Contoh: Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Malaysia**

KWAP telah menerbitkan empat kenyataan berkenaan ESG di laman webnya:

- Masa depan KWAP ialah ESG
- Pelaburan berimpak yang Menghubungkan Teknologi dan Bakat
- Impak Pelaburan ESG
- Perubahan iklim

Kenyataan-kenyataan ini menerangkan pendirian KWAP terhadap ESG serta peranan keseluruhan pelaburan institusi dalam memenuhi tanggungjawab mereka terhadap perihal kemampanan.

Baca lebih lanjut mengenai kenyataan KWAP [di sini](#).

- 5.16 GLIC hendaklah memastikan penzahiran kemampanan merangkumi aktiviti pelaburan. Ini termasuk aktiviti pelaburan di peringkat portfolio dan/atau peringkat kelas aset, bergantung pada kematangan dan pendekatan GLIC.

**Panduan:**

- a) Penzahiran hendaklah merangkumi pengawasan dan hasil libat urus yang dijalankan, serta kekerapan pelaporan.
- b) GLIC digalakkan untuk mempunyai penzahiran kemampanan yang disahkan oleh pihak ketiga, sekiranya wajar, di samping format pelaporan yang seragam bagi membolehkan perbandingan untuk memudahcarakan pengenalpastian titik tindakan bagi penambahbaikan berterusan.

- 5.17 GLIC hendaklah menzahirkan dasar dan proses mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko dan peluang berkaitan kemampanan, berhubung dengan pengurusan pelaburan.

**Panduan:**

- a) GLIC hendaklah menzahirkan cara mereka mengenal pasti dan menilai risiko berkaitan kemampanan, di peringkat entiti dan dana, termasuk cara GLIC menentukan kepentingan relatif risiko berkaitan kemampanan, yang berkaitan dengan pengurusan pelaburan, dalam perkaitan dengan risiko lain.
- b) GLIC hendaklah menghuraikan proses mereka dalam mengurus risiko berkaitan kemampanan bagi portfolio atau strategi pelaburan mereka, termasuk cara GLIC membuat keputusan untuk mengurangkan, mengalih, menerima, atau mengawal risiko tersebut.
- c) GLIC hendaklah menghuraikan proses mereka dalam menentukan keutamaan risiko berkaitan kemampanan, termasuk cara penetapan kematangan dibuat dalam organisasi, dan sama ada mereka mempertimbangkan keperluan kawal selia sedia ada dan yang baharu yang berkaitan dengan kemampanan (cth. had bagi pelepasan, layanan buruh, rangka kerja tadbir urus, peralihan kemampanan) serta faktor berkaitan yang lain.
- d) GLIC hendaklah menghuraikan, sekiranya wajar, aktiviti libat urus bersama syarikat penerima pelaburan, bagi menggalakkan penzahiran risiko dan amalan

yang lebih baik yang berkaitan kemampuan bagi menambah baik ketersediaan data dan keupayaan GLIC untuk menilai risiko berkaitan kemampuan.

Sama ada GLIC melabur secara langsung atau melalui EFM, GLIC menanggung risiko peralihan dan fizikal yang berpotensi yang terdedah kepada pelaburan mereka.

Contoh: ***Algemene Pensioen Groep (APG), Belanda***

**Ekstrak daripada laman web APG**

APG ialah syarikat pelaburan persaraan Belanda yang berpangkalan di Belanda. Ia merupakan subsidiari langsung Stichting Pensioenfonds ABP, dana persaraan terbesar di Belanda. APG menyepadukan kriteria kemampuan ke dalam semua keputusan pelaburannya, dan berkongsi maklumat mengenai kriteria ini dengan pelanggannya dan dunia luar.

APG mematuhi Peraturan Penzahiran Kewangan (SFDR), yang juga dikenali sebagai Peraturan EU 2019/2088, dan melaporkan maklumat berikut dalam laman webnya:

- Huraian mengenai dasar risiko kemampuan
- Kenyataan impak buruk kemampuan
- Ringkasan pendekatan pelaburan pembangunan mampan
- Ringkasan pendekatan keterangkuman
- Ringkasan pendekatan pengecualian (korporat dan negara)
- Ringkasan pendekatan tadbir urus korporat dan pengundian
- Ringkasan sasaran pengurangan karbon dan dasar risiko iklim
- Penzahiran berkaitan kemampuan produk kewangan - kumpulan

Baca lebih lanjut mengenai penzahiran pelaburan bertanggungjawab dan kemampuan APG [di sini](#).

- 5.18 GLIC hendaklah menzahirkan metrik dan sasaran yang digunakan untuk menilai dan mengurus risiko dan peluang berkaitan kemampuan yang relevan, yang berhubung dengan pengurusan pelaburan, dan prestasi terhadap sasaran yang mana maklumat sedemikian adalah penting.

**Panduan:**

- a) GLIC hendaklah menzahirkan komitmen berkaitan kemampuan mereka, yang disejajarkan dengan keperluan dan jangkaan SIS.
- b) GLIC hendaklah menentukan dan menerbitkan sasaran berkaitan kemampuan berpandukan metrik yang diiktiraf. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, metrik seluruh industri, metrik sektor tertentu dan/atau metrik institusi tertentu, yang berkaitan dengan portfolio pelaburannya.

- c) Sasaran pelaburan mampan yang dirangka hendaklah sejajar dengan, dan menyokong, strategi dan jangkaan GLIC, yang boleh dimaklumkan melalui analisis senario, peramalan dan sains iklim.

**Contoh: Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Malaysia**


**Ekstrak daripada laman web Khazanah**

Pendekatan Khazanah terhadap Kemampanan dinyatakan melalui Rangka Kerja Kemampanan kami, yang berasaskan tonggak-tonggak ESG.

Isu-isu penting yang relevan kepada Khazanah termasuk:

- Persekitaran – pelepasan karbon; kerentanan perubahan iklim
- Sosial – pengurusan tenaga kerja; kesihatan dan keselamatan tempat kerja; akses yang adil dan saksama; kepelbagaian dan keterangkuman
- Tadbir urus – pendedahan kawal selia; komposisi lembaga pengarah; pengaruh politik; hak pemegang saham; imbuhan lembaga pengarah dan eksekutif; kerahsiaan dan keselamatan data

**Khazanah's ESG Targets**



Baca lebih lanjut mengenai Rangka Kerja dan Sasaran Kemampanan Khazanah [di sini](#).

5.19 Pada tempat atau keadaan yang boleh digunakan dan dilaksanakan, GLIC digalakkan untuk menghuraikan ketahanan strategi pelaburan organisasi dan/atau portfolio, dengan mengambil kira senario berkaitan kemampanan yang berbeza-beza.

Sehubungan dengan ini, GLIC boleh mempertimbangkan untuk menzahirkan analisis kualitatif dan kuantitatif ketahanan portfolio pelaburan mereka, yang berkaitan dengan risiko signifikan dan/atau risiko berkaitan kemampanan yang khusus, seperti bila analisis senario akan digunakan.

**Contoh: *Government of Singapore Investment Corporation (GIC)***

GIC merupakan dana kekayaan negara yang menguruskan rizab asing di Singapura.

GIC menzahirkan pendekatan praktikal proprietariya dalam menilai risiko kemampanan yang penting daripada segi kewangan kepada syarikat.

**Ekstrak daripada laman web GIC**

Melalui kerjasama dengan Monetary Authority of Singapore (MAS), GIC membangunkan satu set senario iklim, yang telah digunakan untuk ujian tekanan ke atas portfolionya. Senario tersebut merangkumi julat 1.5 darjah hingga 4 darjah hasil pemanasan global menjelang tahun 2100, dan dirancang secara meluas kepada tiga senario rujukan yang dicadangkan oleh Network of Central Banks and Supervisors for Greening the Financial System (NGFS) pada Jun 2020. Pemacu risiko di sebalik setiap senario termasuk:

- Tempoh dan magnitud tindakan dasar ke atas pelepasan dan, oleh yang demikian, hasil suhu yang berpotensi;
- Impak pelbagai laluan teknologi tenaga (yang padanya permintaan terhadap tenaga sebahagian besarnya dipenuhi sama ada melalui tenaga elektrik yang diperbaharu, atau dengan gabungan bahan api fosil dan pemerangkapan karbon serta teknologi sekuestrasi); dan
- Tempoh dan tahap yang padanya harga pasaran akan ditetapkan bagi risiko berkaitan iklim masa depan.

GIC mengenal pasti risiko dan peluang dalam portfolio dengan meningkatkan analisis senario dari atas ke bawah (*triangulation*), anggaran sektor yang mempertimbangkan jumlah keseluruhan portfolio, kelas aset dan impak tahap keselamatan, dan anggaran impak daripada kajian pihak ketiga.

Seterusnya, GIC menyepadukan penilaian risiko dan peluang berkaitan perubahan iklim ke dalam setiap langkah proses pelaburan kami, daripada penyumberan peluang dan penilaian wajar hingga kepada pemantauan pascapelaburan. Jawatankuasa pelaburan bagi setiap kelas aset bertanggungjawab untuk mentakrif risiko fizikal atau peralihan yang paling sesuai bagi setiap peluang pelaburan dan menyepadukan pertimbangan risiko ke dalam keputusan pelaburan.

Baca lebih lanjut mengenai laporan kemampanan GIC [di sini](#) serta pemakaian cadangan TCFD [di sini](#).

5.20 GLIC hendaklah menzahirkan inisiatif pembinaan keupayaan pelaburan mampan dan usaha kolaboratif yang disertai.

**Penzahiran mengenai hak dan tanggungjawab pelabur**

5.21 GLIC hendaklah menzahirkan dasar pengawasan dan libat urus mereka dan amalan mengenai pertimbangan atau isu-isu kemampanan.

Keperluan-keperluan ini hendaklah dipenuhi dan hendaklah sejajar dengan Panduan yang dinyatakan dalam Prinsip 1 MCII yang menyatakan bahawa pelabur institusi "hendaklah menzahirkan dasar mengenai tanggungjawab pengawasan mereka dan menyemak keberkesanan aktiviti pengawasan mereka".

- 5.22 GLIC hendaklah mempamerkan sepanjang masa tahap pencapaian objektif pelaburan mampan, termasuk hasil pengundian, libat urus, kerjasama dan pemakluman dengan merujuk kepada tindakan yang direkodkan dan maklumat yang dikumpulkan di bawah rangka kerja penzahiran GLIC.

Keperluan-keperluan ini hendaklah dipenuhi dan hendaklah sejajar dengan Panduan yang dinyatakan dalam Prinsip 6 MCII yang menyatakan bahawa pelabur institusi "hendaklah menzahirkan kepada umum dasar tadbir urus korporat dan garis panduan pengundian mereka", apabila MCII menggesa agar penzahiran dibuat mengenai cara pemantauan membawa kepada penambahbaikan yang berterusan.

**Contoh 1: Permodalan Nasional Berhad (PNB), Malaysia**

PNB menzahirkan rangka kerja pengawasannya dan rekod pengundian proksi di laman webnya. Rangka Kerja Pengawasan PNB bertujuan mengetengahkan falsafah dan jangkaan pengawasan terhadap syarikat penerima pelaburannya, pelabur awam dan pasaran am. Rekod pengundian proksi menerangkan pendirian PNB dalam pengundian bagi resolusi AGM/EGM syarikat penerima pelaburannya.

Baca lebih lanjut mengenai rangka kerja, dasar dan garis panduan pengawasan PNB, serta rekod pengundian proksinya [di sini](#).

**Contoh 2: Ontario Teachers' Pension Plan (OTPP), Kanada**

OTPP menerbitkan keputusan dan rasional pengundiannya sebelum setiap mesyuarat pemegang saham, yang boleh dirujuk dalam [Pangkalan Data Pengundian Proksi](#).

Pangkalan data pengundian proksi menunjukkan cara OTPP berhasrat untuk melaksanakan undian proksinya sebagai respons kepada rayuan oleh pengurusan syarikat yang mempunyai saham mengundi, atau lain-lain. Ia bertujuan untuk menyediakan maklumat kepada ahli-ahli pelan, penganjur bersama rancangan dan lain-lain.

Baca lebih lanjut mengenai Laporan Tahunan Pelaburan Bertanggungjawab dan Perubahan Iklim OTPP [di sini](#).

- 5.23 GLIC hendaklah menyediakan penzahiran kepada pihak berkepentingan yang berkaitan, yang perlu diterbitkan sekurang-kurangnya setiap tahun atau dalam tempoh masa yang munasabah bagi memastikan maklumat yang relevan dan tepat pada masanya disediakan kepada pihak berkepentingan.

**Panduan:**

- a) Pihak berkepentingan GLIC bergantung kepada organisasi masing-masing, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada benefisiari, pelanggan, penyumbang, ahli-ahli, agensi induk/kementerian dan pihak awam.
- b) Maklumat penzahiran hendaklah boleh diakses secara langsung dan boleh difahami oleh pihak berkepentingan, serta dikemukakan dengan jelas dan objektif, bagi memastikan pihak berkepentingan GLIC dimaklumkan dengan sewajarnya untuk membuat pertimbangan dan keputusan bermaklumat.
- c) Pihak berkepentingan hendaklah dimaklumkan mengenai mana-mana pengorbanan bagi pulangan terlaras risiko yang signifikan yang boleh berlaku disebabkan oleh strategi pelaburan mampan yang tidak keseluruhannya berasaskan faktor kewangan.



## **PENGHARGAAN**

Piawaian Pelaburan Mampan (SIS) ini telah dibangunkan melalui input dan sumbangan daripada ahli-ahli Kumpulan Kerja PERKUKUH 11, yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Kewangan dan GLIC.

Kumpulan Kerja PERKUKUH 11 merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) selaku entiti yang menerajui inisiatif ini, serta Platform Pelaburan Mampan (SIP) sebagai Penyelaras Kumpulan Kerja dan disokong secara strategik oleh Capital Markets Malaysia (CMM), atas kesudian meluangkan masa berharga mereka dengan menyumbang buah fikiran dan memudahkan inisiatif ini.

## LAMPIRAN

### Lampiran 1

#### Menghubungkan SIS dengan piawaian atau rangka kerja lain

SIS	PRI	TCFD, ISSB	PGG	MCII
<p><b>Prinsip 1</b></p> <p>GLIC akan mewujudkan rangka kerja tadbir urus pelaburan mampan yang sesuai, yang merangkumi prinsip, garis panduan dan amalan yang membimbing dan menyokong pengurusan untuk meraih pulangan jangka panjang yang mampan.</p>	Prinsip 1	Keperluan tadbir urus	<p>Peranan lembaga pengarah berhubung pengawasan ESG:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan struktur tadbir urus bagi pengawasan kemampanan</li> <li>Memastikan bahawa pihak pengurusan menyepadukan pertimbangan ESG ke dalam strategi dan operasi entiti</li> </ul>	
<p><b>Prinsip 2</b></p> <p>GLIC akan membangunkan dasar tentang cara memasukkan pertimbangan kemampanan termasuk pandangan material ke dalam objektif dan proses pelaburan mereka dan ketika melaksanakan tanggungjawab fidusiari mereka.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Prinsip 1</li> <li>Prinsip 4</li> <li>Prinsip 5</li> </ul>	Keperluan strategi		Prinsip 7 (Respons kolaboratif terhadap kebimbangan atau risiko tadbir urus korporat dan kemampanan)

<p><b>Prinsip 3</b></p> <p>GLIC akan menerima dan menggunakan metodologi pelaburan mampan dan keputusan pelaburan sekiranya wajar.</p>	<p>Prinsip 1</p>	<p>Keperluan mengenai pengurusan risiko, serta metrik dan sasaran</p>		<p>Prinsip 5 (Memasukkan pertimbangan kemampanan)</p>
<p><b>Prinsip 4</b></p> <p>GLIC akan mengawasi secara aktif dan memasukkan pertimbangan kemampanan ke dalam dasar dan amalan pemilikan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prinsip 2</li> <li>• Prinsip 3</li> <li>• Prinsip 5</li> </ul>			<p>Prinsip 1 (Menzahirkan dasar mengenai pengawasan)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prinsip 2 (Memantau syarikat penerima pelaburan)</li> <li>• Prinsip 3 (Mengadakan libat urus bersama syarikat penerima pelaburan)</li> <li>• Prinsip 4 (Mengurus konflik kepentingan)</li> </ul>
<p><b>Prinsip 5</b></p> <p>GLIC akan menzahirkan dasar, garis panduan dan aktiviti pelaburan mampan mereka yang berhubung dengan SIS.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prinsip 3</li> <li>• Prinsip 6</li> </ul>	<p>Seluruh rangka kerja penzahiran di bawah tonggak:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tadbir urus</li> <li>• Strategi</li> <li>• Pengurusan risiko</li> <li>• Metrik dan sasaran</li> </ul>		<p>Prinsip 6 (Menerbitkan dasar tadbir urus korporat dan garis panduan pengundian)</p>

## Lampiran 2

**Jangkaan Khusus-Isu**

Perubahan Iklim dan Hak Buruh telah dikenal pasti sebagai isu menyeluruh yang perlu dipertimbangkan oleh GLIC dalam membuat pelaburan mampan, termasuk EFM dan syarikat penerima pelaburan dalam portfolio GLIC, memandangkan impak signifikan yang mungkin ditimbulkan oleh isu-isu ini terhadap pelaburan. Perubahan Iklim dan Hak Buruh merupakan keutamaan yang penting di peringkat global dan negara, dan memandangkan kedudukan pengaruh mereka, GLIC hendaklah memainkan peranan menyelaraskan pelaburan mereka dengan isu-isu ini. Sehubungan dengan ini, SIS menggariskan Jangkaan Teras sebagai pertimbangan minimum dalam menangani isu-isu ini, dan Panduan Amalan Terbaik sebagai pertimbangan tambahan sejajar dengan Amalan Terbaik di peringkat antarabangsa.

Jangkaan Teras dan Panduan Amalan Terbaik ini tidak menyeluruh, dan GLIC boleh menetapkan jangkaan tambahan berkaitan isu-isu ini.

<b>Perubahan Iklim</b>	
Bil.	Jangkaan
<b>Jangkaan Teras</b>	
1	Memasukkan strategi dalam mengurus isu-isu perubahan iklim, dengan mengambil kira undang-undang alam sekitar tempatan, piawaian yang baharu dan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.
2	Menzahirkan dasar, strategi, dan metrik berkaitan perubahan iklim sejajar dengan piawaian yang diiktiraf di peringkat global.
3	Mewujudkan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mengurus pelepasan Skop 1 dan 2, sasaran pengurangan pelepasan, dan analisis prestasi terhadap sasaran tersebut.
4	Memberi komitmen kepada sasaran sifar bersih, sejajar dengan sasaran peringkat global dan negara.
5	Menyemak prestasi terhadap isu-isu material berkaitan perubahan iklim (Nota 1)* dan pendedahan risiko yang berkaitan tepat pada masanya untuk mengenal pasti bidang-bidang untuk penambahbaikan, dan seterusnya melaksanakan pelan tindakan bagi menangani bidang tersebut.
6	Menjalankan latihan dan program kesedaran dalaman berkaitan iklim secara kerap, bagi memastikan pekerja menyedari akan dasar-dasar dan amalan majikan.
<b>Amalan Terbaik</b>	
1	Menilai sensitiviti dan ketahanan strategi perniagaan jangka panjang mereka terhadap risiko peralihan dan iklim fizikal serta senario iklim yang lain (cth. laluan 1.5- – 2 darjah) dan menentukan langkah-langkah pengurangan terhadap senario ini.
2	Melanjutkan latihan berkaitan iklim dalaman dan pembinaan keupayaan di sepanjang rantai bekalan, khususnya kepada syarikat kecil dan sederhana untuk mengukur dan mengurus pelepasan karbon.
3	Memantau dan menzahirkan pelepasan Skop 3 yang timbul daripada rantai nilai mereka dalam terma keamatan yang mutlak dan relevan menurut protocol GHG atau piawaian industri yang lain yang berkaitan.
4	Untuk menyokong dan menggalakkan pengurangan dan pemakaian perubahan iklim, serta mengadakan libat urus bersama pembuat dasar dan pihak berkepentingan yang berkaitan berhubung dengan perubahan iklim.

Nota 1: \*Isu-isu material berkaitan dengan perubahan iklim termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) pelepasan gas rumah hijau; (ii) kecekapan dan penggunaan tenaga; (iii) pengurusan sumber dan sisa air; (iv) biokepelbagaian dan ekosistem dll. [Sumber: UNEPFI, Bank Dunia].

<b>Hak Buruh</b>	
Bil	Jangkaan
<b>Jangkaan Teras</b>	
1	Memasukkan strategi pengurusan isu-isu hak buruh, dengan mengambil kira undang-undang tempatan, piawaian yang baharu dan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.
2	Menzahirkan dasar, strategi dan sasaran berkaitan hak buruh sejajar dengan piawaian yang diiktiraf di peringkat global.
3	Mewujudkan dasar dan mekanisme ketakpuashatian untuk pekerja melaporkan insiden dan kegusaran berhubung mana-mana isu material yang berkaitan dengan hak buruh.
4	Memastikan kesejahteraan pekerja dilindungi, termasuk tetapi tidak terhad kepada, keadaan hidup pekerja kontrak dan subkontrak serta keselamatan dan kesihatan pekerja.
5	Menyokong dan melaksanakan aktiviti dan inisiatif dalaman berkaitan hak buruh di seluruh rangkaian nilai.
6	Menyemak prestasi terhadap isu-isu material berkaitan hak buruh (Nota 2)* dan pendedahan risiko yang berkaitan tepat pada masanya untuk mengenal pasti bidang-bidang bagi penambahbaikan, dan seterusnya melaksanakan pelan tindakan bagi menangani bidang tersebut.
<b>Amalan Terbaik</b>	
1	Mengenal pasti, menangani dan memantau risiko pendedahan dan berkaitan hak buruh mengenai isu-isu kecil material di sepanjang rangkaian nilai, termasuk menerapkan pertimbangan dalam seluruh proses membuat keputusan berkaitan pemerolehan.
2	Menyokong dan melaksanakan aktiviti dan inisiatif luaran berkaitan hak buruh di sepanjang rangkaian nilai.
3	Menyokong dan menggalakkan hak buruh, serta mengadakan libat urus bersama pembuat dasar dan pihak berkepentingan yang berkaitan berhubung dengan hak buruh.

Nota 2: \*Isu-isu material berkaitan hak buruh termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (i) keselamatan dan kesihatan; (ii) buruh paksa dan kanak-kanak; (iii) upah dan manfaat yang adil; (iv) kebebasan berserikat dll. [Sumber: Pengisytiharan Tentang Prinsip Asas dan Hak Di Tempat Kerja Pertubuhan Buruh Antarabangsa]

## Lampiran 3

**Jangkaan Khusus-Sektor**

Enam (6) sektor yang telah dipilih dalam dokumen ini dikenal pasti berdasarkan pendedahan portfolio GLIC dalam industri tersebut. Sektor ini dianggap relevan sebagai antara sektor terulung dari segi permodalan pasaran, yang mempunyai impak kemampanan dan risiko peralihan terbesar dalam konteks Malaysia.

Panduan mengenai jangkaan khusus-sektor ini ditentukan berdasarkan isu atau faktor yang dianggap penting bagi sektor tersebut. Skop dan subsektor setiap sektor tersebut disejajarkan dengan pengelasan sektor seperti yang ditakrifkan oleh Bursa Malaysia Berhad. Sehubungan dengan ini, SIS menggariskan Jangkaan Teras sebagai pertimbangan minimum dalam menangani isu-isu ini dan panduan mengenai amalan terbaik sebagai pertimbangan tambahan sejajar dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

Jangkaan Teras ini tidak menyeluruh dan GLIC boleh menetapkan jangkaan tambahan yang berkaitan dengan isu-isu ini.

<b>Sektor Pembinaan</b>	
Bil	Jangkaan
<b>Jangkaan Teras</b>	
1	Membangunkan dasar, strategi dan pendekatan ke arah pengurusan air, tenaga dan sisa bagi memastikan penggunaan sumber yang cekap.
2	Memastikan penilaian impak dijalankan untuk mengenal pasti impak buruk signifikan yang mungkin timbul daripada operasi syarikat.
3	Memenuhi penskoran di peringkat tempatan dan sekiranya dapat dilakukan, pensijilan, piawaian dan amalan terbaik pembinaan mampan di peringkat antarabangsa.
4	Memenuhi keperluan minimum pensijilan kualiti hasil kerja tempatan.
5	Melaporkan bilangan insiden ketakpatuhan yang dikaitkan dengan permit, piawaian dan peraturan kualiti bahan sisa dan efluen.
1	Mengguna pakai Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam kerja-kerja pembinaan.
2	Memulakan inisiatif pembinaan digital, seperti penggunaan teknologi pemodelan maklumat bangunan (BIM), bagi projek pembinaan.
3	Mewujudkan pelan hala tuju bagi meningkatkan penggunaan bahan mentah yang mesra alam sekitar dan diambil dari sumbernya secara bertanggungjawab, seperti simen hijau, konkrit hijau, keluli hijau dan kayu balak.
4	Menggalakkan amalan rendah karbon dan kemampanan dalam kalangan penggiat industri pembinaan di Malaysia, yang merangkumi komitmen untuk menjadi syarikat cekap tenaga.

<b>Sektor Tenaga</b>	
Bil	Jangkaan
<b>Jangkaan Teras</b>	
1	Menghentikan perolehan pendapatan daripada aktiviti pasir minyak serta minyak dan gas di rantau Artik.
2	Menjalankan penilaian impak secara kerap bagi mengenal pasti impak buruk signifikan yang boleh timbul daripada operasi syarikat dan membangunkan langkah-langkah pembaikan atau pengurangan impak buruk tersebut.
3	Mewujudkan strategi untuk mengurangkan risiko pengurusan air, bahan api dan bahan kritikal.
4	Komited kepada pelaporan dan pengurangan jumlah bahan buangan berbahaya yang dihasilkan dan peratusan bahan buangan yang dikitar semula serta menzahirkan sebarang ketidakpatuhan yang dikaitkan dengan permit, piawaian dan peraturan kualiti bahan sisa dan efluen.
5	Memenuhi piawaian antarabangsa yang berkaitan dengan sektor tenaga.
<b>Amalan Terbaik</b>	
1	Untuk mempelbagaikan aktiviti perniagaan kepada industri rendah karbon.
2	Untuk mengadakan libat urus secara kerap bersama rakan setara di peringkat tempatan dan antarabangsa agar dapat mengikuti perkembangan terkini amalan terbaik yang berkaitan dengan sektor tenaga.

<b>Sektor Kewangan</b>	
Bil	Jangkaan
<b>Jangkaan Teras</b>	
1	Menyokong peralihan kepada aktiviti rendah karbon dan amalan kemampanan yang lebih baik dengan menawarkan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan kewangan mampan.
2	Membangunkan strategi dan dasar kewangan mampan untuk meminimumkan risiko dan impak yang timbul daripada kebimbangan dan isu-isu kemampanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penawaran pembiayaan mampan, dan mengelakkan pembiayaan dan pelaburan baharu bagi sektor yang terdedah kepada risiko kemampanan yang tinggi.
3	Menzahirkan pendedahan kepada sektor dengan risiko kemampanan yang tinggi.
4	Untuk mengurus risiko kemampanan material sebagai pematuhan terhadap piawaian tempatan, garis panduan mengenai kewangan mampan peringkat negara, penyelesaian pelaburan dan perlindungan, sekiranya relevan, serta yang ditetapkan oleh pengawal selia sektor kewangan yang berkaitan.
<b>Amalan Terbaik</b>	
1	Menyokong keterangkuman kewangan dengan penawaran produk dan perkhidmatan kepada segmen masyarakat yang ketinggalan dan terpinggir.
2	Menjadi penandatangan kepada pensijilan/badan/piawaian yang berkaitan (cth. UNPRI, Prinsip Perbankan Bertanggungjawab, Prinsip Insurans Mampan).

<b>Sektor Produk dan Perkhidmatan Perindustrian</b>	
Bil	Jangkaan

<b>Jangkaan Teras</b>	
1	Menzahirkan jumlah bahan sisa berbahaya yang dihasilkan dan peratusan bahan sisa yang dikitar semula.
2	Mewujudkan pelan tindakan dengan tempoh masa yang ditetapkan bagi penggunaan air, bahan api dan elektrik yang cekap dan kaedah pelupusan bahan sisa yang bertanggungjawab termasuk pelepasan udara.
3	Menzahirkan proses untuk menilai dan mengurus risiko dan/atau bahaya yang dikaitkan dengan bahan kimia dalam produk.
4	Melaporkan bilangan insiden ketakpatuhan yang dikaitkan dengan permit, piawaian dan peraturan kualiti bahan sisa dan efluen.
<b>Amalan Terbaik</b>	
1	Membangunkan pelan tindakan dengan tempoh masa yang ditetapkan bagi peralihan ke arah bahan mentah/bahan kimia yang lebih mesra alam sekitar.
2	Menzahirkan tindakan untuk mengurus impak kitaran hayat produk dan memenuhi permintaan terhadap produk mampan.
3	Membangunkan rangka kerja bagi rantai bekalan yang mampan dalam syarikat bagi menangani isu alam sekitar (cth. kehilangan biokepelbagaian) dan sosial (hak asasi manusia/buruh) yang timbul daripada operasi mereka.

<b>Sektor Perladangan</b>	
Bil.	Jangkaan
<b>Jangkaan Teras</b>	
1	Menzahirkan insiden dan langkah-langkah pengurangan yang berkaitan.
2	Menjadi ahli pensijilan/badan/piawaian yang berkaitan dalam jangka masa yang munasabah.
3	Mewujudkan pelan hala tuju untuk memperoleh pensijilan penuh RSPO bagi operasi mereka dalam jangka masa yang munasabah.
4	Mewujudkan pelan hala tuju bagi meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu bagi keseluruhan operasi
5	Melaporkan bilangan insiden ketakpatuhan yang dikaitkan dengan permit, piawaian dan peraturan kualiti sisa buangan dan efluen..
<b>Amalan Terbaik</b>	
1	Memberi komitmen terhadap pemulihan tanah yang digunakan untuk perladangan dan meningkatkan hasil bagi meminimumkan penggunaan tanah.
2	Mewujudkan pelan hala tuju bagi memastikan pembekal minyak sawit patuh kepada keperluan yang tersenarai dalam Jangkaan Teras dan Amalan Terbaik.
3	Mewujudkan pelan hala tuju bagi pensijilan penuh RSPO bagi pangkalan bekalan tandan buah segar kelapa sawit seperti mekanisme pengesahan bagi pekebun kecil.
4	Mewujudkan dasar berkaitan pekebun kecil (sekiranya relevan), khususnya berhubung dengan latihan mengenai isu utama alam sekitar dan sosial, peningkatan hasil dan pensijilan RSPO.
5	Mewujudkan pelan hala tuju bagi memperdagang dan/atau hanya memproses minyak sawit yang disahkan RSPO (Nota: Diguna pakai kepada sektor hiliran).



<b>Sektor Utiliti</b>	
Bil	Jangkaan
<b>Jangkaan Teras</b>	
1	Tiada pembangunan loji jana kuasa arang batu dan/atau pengembangan loji jana kuasa arang batu sedia ada.
2	Menyediakan strategi untuk mengurus bahan sisa dan efluen daripada aktiviti utiliti termasuk tenaga boleh diperbaharu.
3	Melaporkan bilangan insiden ketakpatuhan yang dikaitkan dengan permit, piawaian dan peraturan kualiti bahan sisa dan efluen.
4	Mengurus risiko berkaitan dengan keselamatan dan pelepasan infrastruktur penghantaran gas, infrastruktur grid dan aktiviti penjanaan tenaga.
<b>Amalan Terbaik</b>	
1	Memberi komitmen untuk meningkatkan keupayaan penghasilan tenaga boleh diperbaharu.
2	Memberi komitmen untuk mengurangkan kebergantungan pada pendapatan daripada penghasilan tenaga terma, dan memberhentikan aktiviti penghasilan tenaga terma dalam tempoh masa yang ditetapkan.

## RUJUKAN

- Abu Dhabi Investment Authority (2022), *Sustainable Investing*
- Algemene Pensioen Groep (2022), *Responsible Investment*
- Asia Investor Group on Climate Change (2019), *Asian Utilities Engagement Program*
- British Standards Institution (2020), *PAS 7341:2020 Responsible and sustainable investment management – Specification*
- Capital Markets Malaysia (2021), *Sustainable Investment Platform: Resource Centre*
- CFA Institute (2015), *Environmental, social and governance issues in investing*
- CFA Institute (2021), *Global ESG Disclosure Standards for Investment Products*
- CPP Investments (2019), *Responsible Investing Policy*
- CPP Investments (2021), *2021 Report on Sustainable Investing*
- Employees Provident Fund (2022), *Climate Change Issue Policy*
- Employees Provident Fund (2022), *Priority Sector Policies*
- Employees Provident Fund (2022), *Workers Well-being Issue Policy*
- Environment Agency Pension Fund (2019), *Responsible Investment Strategy*
- European Union, *Sustainable Finance Disclosure Regulation*
- Financial Conduct Authority (2021), *Discussion Paper on Sustainability Disclosure Requirements and investment labels (DP21/4)*
- Financial Conduct Authority (2021), *Policy Statement on Enhancing climate-related disclosures by asset managers, life insurers and FCA-regulated pension providers (PS21/24) – ESG Sourcebook*
- Financial Stability Board (2017), *Final Report: Recommendations of the Task Force on Climate-Related Financial Disclosures*
- Future Fund (2020), *Statement of Investment Policies*
- Global Reporting Initiative (2021), *Universal Standard*
- Global Sustainable Investment Alliance (2020), *2020 Global Sustainable Investment Review*
- Government of Singapore Investment Corporation (2021), *GIC's Application of TCFD's recommendations*
- Government of Singapore Investment Corporation (2021), *Sustainability Report 2020/2021*
- Government of Singapore Investment Corporation (2022), *Investing Sustainably*
- Government Pension Investment Fund (2020), *ESG Report 2019*
- Government Pension Investment Fund (2021), *Stewardship Activities Report 2020-2021*

Government Superannuation Fund Authority (2022), *GSF Responsible Investment Exclusion List – Jan 2022*

Health Employees Superannuation Trust Australia (2020), *Responsible Investment Policy*

Institutional Investors Council Malaysia (2022), *The Malaysian Code for Institutional Investors 2022*

International Organisation of Pension Supervisors (2019), *IOPS Supervisory Guidelines on the Integration of ESG Factors in the Investment and Risk Management of Pension Funds*

International Organization of Securities Commissions (2021), *Recommendations on Sustainability-Related Practices, Policies, Procedures and Disclosure in Asset Management*

International Social Security Association (2013), *ISSA Guidelines on Investment of Social Security Funds*

International Sustainability Standards Board (2022), *Exposure Draft: Sustainability Disclosure Standard*

Ireland Strategic Investment Fund (2022), *Responsible Investment*

Joint Committee on Climate Change (2022), *Task Force on Climate-related Financial Disclosures (TCFD) Application Guide for Malaysian Financial Institutions*

Khazanah Nasional Berhad (2022), *Khazanah Sustainability Framework and Targets*

Khazanah Nasional Berhad (2022), *The Khazanah Report 2021*

Korea Investment Corporation (2021), *KIC Sustainable Investment Report 2021*

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (2021), *Statement of Compliance with Malaysian Code of Institutional Investors 2020*

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (2022), *Our ESG integration approach*

Kuwait Investment Authority (2022), *About KIA: One Planet SWF Initiative*

Ministry of Finance, Malaysia (2021), *PERKUKUH (Perkukuh Pelaburan Rakyat): Strategic transformation of GLICs for enhanced resilience and socioeconomic impact*

Ministry of Finance, Malaysia (2022), *Principles on Good Governance for Government Linked Investment Companies*

National Investment and Infrastructure Fund (2021), *NIIFL E&S Management Policy*

National Pension Service (2020), *2020 Responsible Investment & Governance Report*

New Zealand Superannuation Fund (2021), *Annual Report 2021*

New Zealand Superannuation Fund (2021), *Responsible Investment Framework*

Norges Bank Investment Management (2021), *2021 Report on Responsible Investment*

One Planet Sovereign Wealth Funds (2018), *The One Planet Sovereign Wealth Fund Framework*

Ontario Teachers' Pension Plan (2021), *Annual Responsible Investing and Climate Change Report*

- Pensioenfonds Metaal & Techniek (2021), *Responsible Investment Policy*
- Pensioenfonds PGB (2020), *PGB integrated SRI Policy*
- Pension Protection Fund (2021), *Responsible Investment Report 2020/2021*
- Pension Protection Fund (2022), *Statement of Investment Principles*
- Permodalan Nasional Berhad (2022), *Stewardship*
- Permodalan Nasional Berhad (2022), *Sustainability Framework*
- Principles for Responsible Investment (2022), *Asset owner resources*
- Public Investment Fund (2022), *Green Finance Framework*
- Public Sector Pension Investment Board (2021), *2021 Responsible Report*
- Securities and Futures Commission of Hong Kong (2016), *Principles of Responsible Ownership*
- Securities Commission Malaysia (2019), *Sustainable and Responsible Investment Roadmap for the Malaysian Capital Market*
- Securities Commission Malaysia (2021), *Guidelines on Sustainable and Responsible Investment Funds*
- Sustainability Accounting Standards Board (2018), *77 industry-specific sustainability accounting standards*
- Swiss Funds & Asset Management Association and Swiss Sustainable Finance (2020), *Sustainable Asset Management: Key Messages and Recommendations of SFAMA and SSF*
- Swiss Sustainable Finance (2017), *Handbook on Sustainable Investments: Background Information and Practical Examples for Institutional Asset Owners*
- Temasek Holdings Limited (2022), *Approach to sustainability*
- Temasek Holdings Limited (2022), *Sustainability – Focusing on Climate Change*
- United Nations Conference on Trade and Development (2020), *How public pension and sovereign wealth funds mainstream sustainability: Practices of the frontrunners and a proposed integration framework*
- United Nations Office on Drugs and Crime (2004), *United Nations Convention against Corruption*
- World Bank Group (2020), *Sustainable Investment: Practice Disclosure Checklist for Pension Funds*
- World Wide Fund for Nature (2017), *WWF Climate Guide to Asset Owners: Aligning Investment Portfolios with the Paris Agreement*
- World Wide Fund for Nature (2020), *Climate Adaptation Guide for Asset Owners: Risk Mitigation and Opportunity Realization*
- World Wide Fund for Nature (2021), *WWF Resource Guide for Asset Owners: Selecting, Appointing and Monitoring Your Investment Manager*

## **RINGKASAN PENERBIT**

Piawaian Pelaburan Mampan (SIS) menggariskan peningkatan peranan GLIC dalam pelaburan mampan dengan menyediakan panduan untuk memasukkan pertimbangan kemampanan ke dalam proses pelaburan. SIS mengandungi keperluan tentang penyepaduan pertimbangan kemampanan dalam proses pelaburan, serta penzahiran yang berkaitan untuk meningkatkan ketelusan dalam amalan pelaburan mampan GLIC. Dokumen ini hendaklah dibaca berserta dengan Prinsip Tadbir Urus Terbaik untuk Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG) dan Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII) yang menyediakan keperluan berkaitan dan amalan terbaik tadbir urus dan pengawasan bagi GLIC. SIS disasarkan untuk diguna pakai oleh GLIC namun boleh juga digunakan sebagai panduan untuk komuniti pelaburan yang lebih luas.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC)

Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM)

Dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)

dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC)

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

26 Mei 2023